



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
**ENCIK JAAFAR BIN MUHAMMAD AMIN**  
**KAMPUNG PASIR PEKAN, KELANTAN**

**OLEH:**  
**NADIAH AMIRAH BT RAZAK**  
**2012882504**  
**NIK SYAZA SYAFINAS BT NIK MANSOR**  
**2012639116**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK JAAFAR BIN MUHAMMAD AMIN  
KAMPUNG PASIR PEKAN, KELANTAN**

**OLEH:**  
**NADIAH AMIRAH BT RAZAK**  
**2012882504**  
**NIK SYAZA SYAFINAS BT NIK MANSOR**  
**2012639116**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

# **PENGHARGAAN**

## **Penghargaan**

Assalamualaikum Wbt. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kami akhirnya dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa berbagai kekangan dan halangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang berlaku.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 - Oral Documentation (Pendokumentasi Lisan), Puan Nor Kamariah bt Chik yang telah mencerahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Tidak lupa juga kepada Encik Jaafar bin Muhammad Amin dan juga isteri, tokoh yang kami hormati, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama dan perkongsian ilmu yang sangat bermakna buat kami. Tokoh telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai beliau. Tanpa beliau, kami tidak mungkin dapat menghasilkan transkip yang begitu lengkap dan bernilai ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

# **ISI KANDUNGAN**

<b>TITLE</b>	<b>PAGE NO</b>
Abstrak.....	i
Biodata Tokoh.....	iii
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian B: Pengalaman belajar dan mengajar sebelum dan selepas merdeka.....	5
Bahagian C: Pengalaman dan nasihat.....	16
Senarai Soalan.....	
Log Temubual.....	52
Indeks.....	58
Rujukan.....	63
Lampiran.....	67
Surat Perjanjian	69
Senarai Soalan	
Gambar	

# **ABSTRAK**

## **Abstrak**

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Jaafar bin Md Amin mengenai kerjaya beliau dalam bidang perguruan. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah Encik Jaafar sendiri beralamat 1519, Jalan Parit Kubu, Kg Baru Pasir Pekan 16250 Wakaf Bharu, Kelantan pada 09 Novenber 2013 bermula jam 10.00 pagi. Beliau adalah salah seorang guru pesara yang berkhidmat sebelum Negara Malaysia merdeka. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan juga kehidupan beliau di zaman sebelum merdeka selain daripada mengenai bidang kerjaya beliau. Temubual ini lebih tertumpu kepada bidang kerjaya beliau sebagai seorang guru, tempat-tempat yang telah beliau berkhidmat dan juga cabaran yang beliau alui sepanjang berkhidmat sebagai seorang guru. Selain itu beliau juga memberi sedikit pandangan mengenai perbezaan sistem pendidikan pada zaman dahulu dan masa kini.*

**Kata kunci :** *Encik Jaafar bin Md Amin, bidang perguruan, pesara guru.*

# **BIODATA TOKOH**

## Biodata Tokoh



<b>1.</b>	<b>Nama Penuh</b>	: En. Jaafar bin Md Amin
<b>2.</b>	<b>Alamat</b>	: 1519, Jalan Parit Kubu, Kg Baru Pasir Pekan 16250 Wakaf Bharu, Kelantan.
<b>3.</b>	<b>Kelahiran</b>	: 1 Januari 1932
<b>4.</b>	<b>Jantina</b>	: Lelaki
<b>5.</b>	<b>Bangsa</b>	: Melayu
<b>6.</b>	<b>Agama</b>	: Islam
<b>7.</b>	<b>Pendidikan (Rendah, Menengah, Tinggi)</b>	: Sekolah Melayu Pasir Pekan Sekolah Kebangsaan Padang Garung Sekolah Umum Pengkalan Chepa Maktab Perguruan Tanjung Malim
<b>8.</b>	<b>Keluarga</b>	: Isteri - Ramlah binti Omar Adik-beradik - 5 orang <b>Anak - 6 orang</b> Cucu - 16 orang Cicit - 2 orang
<b>9.</b>	<b>Hobi</b>	: Bercucuk-tanam
<b>10.</b>	<b>Kerjaya</b>	: Pesara Guru

# PENGENALAN

## **Pengenalan**

Sesungguhnya para pendidik hari ini telah memainkan peranan penting di dalam merealisasikan aspirasi negara dalam mewujudkan perpaduan kaum. Pendidik pada hari ini telah membuktikan bahawa mereka telah mengimbangkan kewujudan integrasi nasional yang menjamin keamanan dan kesejahteraan negara. Guru adalah merupakan ejen kepada keberkesan pendidikan. Kejayaan dan keberkesan para guru terhadap tanggungjawab, kelengkapan, keilmuan dan keluhuran peribadi. Pendidik dari kaca mata Islam merupakan murabbi, muallim, muaddib, alim atau ulamak. Mereka berfungsi bukan sahaja untuk memberi kesedaran pada diri sendiri malah juga masyarakat serta tentang hubungan, komitmen dan hubungannya dengan Allah. Perpaduan kaum dapat dicapai sekiranya guru menerapkan nilai-nilai murni seperti saling menghormati antara satu sama lain tidak mengira bangsa dan agama.

Sejarah tidak pernah menipu manusia dan sejarah telah membuktikan betapa golongan pendidik memainkan peranan yang penting dalam menentukan jatuh bangunnya sesebuah bangsa dan negara. Masyarakat ketika itu menjadikan guru sebagai idola dan pakar rujuk dalam segala hal. Kalau dulu guru terpaksa berhadapan dengan pihak penjajah secara terang-terangan, kini, jajahannya diterjemahkan dalam bentuk yang lain pula iaitu lebih mencabar lagi kerana ia melibatkan jajahan pemikiran, budaya dan jati diri yang perlu dihadapi secara professional dan kreatif. Kedudukan perguruan sebagai satu profesi di dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan turut juga dipenuhi dengan cabaran-cabaran. Para pendidik telah memperkatakan mengenai profesi perguruan dari masa ke semasa. Sebelum merdeka lagi sudah ada perbincangan mengenai perkara ini iaitu sebelum Universiti Malaya hendak ditubuhkan di Singapura (1949) terdapat satu symposium mengenai ‘Pendidikan Universiti dan Laporan Carr-Saunders’. Di dalam symposium tersebut perbincangan mengenai peranan universiti dan kedudukan profesi perguruan turut diadakan ( Lim Tay Boh 1948). Di antara perkara pokok yang dibangkitkan ialah keperluan guru-guru sekolah menengah untuk mendapat pendidikan tinggi supaya murid-murid yang bakal dididik nanti akan mempunyai mutu pendidikan yang baik. Pendidikan

guru yang tinggi dan usaha melahirkan generasi muda yang baik merupakan cabaran yang kuat di dalam profesi perguruan bukan pada zaman dahulu sahaja tetapi juga masa kini.

### **Konsep Profesional dan nilaitaranya**

Sesuatu profesi yang sebenar adalah sesuatu bidang yang mempunyai ciri-ciri seperti kepentingan kemahiran intelek, latihan iktisas yang mencukupi, khidmat yang diperlui masyarakat, menikmati otonomi individu dan kumpulan, mementingkan mutu perkhidmatan, mempunyai tatasusila perkhidmatan atau kod etika dan mempunyai organisasi tersendiri untuk menguruskan soal-soal yang berkaitan dengan pendidikan (Lieberman 1956). Menurut Kamus Dewan ‘profesi’ ialah suatu bidang pekerjaan khasnya yang memerlukan pendidikan dan kecekapan serta kemahiran yang tinggi dan latihan yang khas. ( contohnya : perundangan, perubatan, perguruan dan lain-lain.) Berdasarkan ciri-ciri profesi, Mok Soon Sang ( 1996 ) merumuskan secara ringkas konsep profesionalisme sebagai:

- 1) Suatu pekerjaan yang khusus dan dijalankan oleh orang yang mempunyai kelulusan dan latihan iktisas yang cukup bermutu, bersikap jujur, dedikasi, bertanggungjawab dan bermoral tinggi, mempunyai autonomi bertugas serta mematuhi kod etika yang ditentukan oleh organisasinya. Di negara kita perguruan ini lebih mirip kepada pekerjaan (vocation) daripada profesi ( Awang Had Salleh 1980).

Nilaitara-nilaitara sesuatu profesi merupakan peraturan yang ditetapkan oleh organisasi supaya setiap ahli profesional akan mematuhi, demi mengawal kualiti dan nilaitara perkhidmatan tersebut .Nilaitara ini menjadi garis panduan dalam usaha memastikan tingkah laku dipatuhi oleh setiap ahlinya.

## **Aspek Keguruan Dianggap Sebagai Satu Profesional**

- 1) Pengetahuan atau kemahiran yang diperolehi melalui pembelajaran teori dan latihan amali dalam sesuatu tempoh masa yang panjang.

Sebelum seseorang itu menjadi guru, dia perlu menerima latihan dalam perguruan untuk menjadi seorang guru yang bertauliah. Umpananya, seorang guru mesti mempunyai Sijil Perguruan atau Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebelum dia boleh mengajar di sekolah kerajaan. Walaubagaimanapun, samada seseorang guru itu menerima latihan perguruan atau tidak, dia mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang mata pelajaran yang hendak diajarnya. Guru juga mesti mengetahui keadaan atau cara penyampaian dalam pengajarannya supaya murid-murid dapat memahami apa yang disampaikan olehnya.

Di samping itu, guru haruslah mempunyai sahsiah yang baik dan dapat dihormati serta dicontohi oleh murid. Sahsiah ini termasuklah tingkah laku dan sikap yang elok, bersabar, bermurah hati dan sentiasa bersifat tenang. Kebanyakan kualiti kecerdasan dan sahsiah guru adalah hasil daripada latihan yang membolehkan seseorang guru menguruskan pengajarannya dengan berkesan. Latihan itu termasuklah kefahaman terhadap sifat kejasmanian dan sifat psikologi kanak-kanak serta teori penyampaian pelajaran. Selain tugas dalam bilik darjah, guru juga mempunyai peranan-peranan lain yang diharapkan oleh masyarakat. Misalnya guru diharapkan menjadi pengganti ibubapa, menjadi penasihat dan pembimbing di dalam pembentukkan sahsiah murid, menjadi kaunselor kepada murid-murid, menjadi pengamal dan penyebar nilai kebudayaan yang elok dan seterusnya menjadi contoh sahsiah yang baik kepada masyarakat.

## **2) Mempertingkatkan Profesionalisme**

Sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab, guru hari ini perlu menyedari bahawa tugas dan amanah yang diberikan itu adalah untuk mendidik generasi yang akan menerajui negara ini. Oleh itu kemahiran dan pengetahuan mengenai method-method pendidikan harus diperkemaskan dari semasa ke semasa . Untuk mendepani cabaran dan tuntutan daripada perubahan-perubahan kurikulum berkenaan, guru hendaklah berusaha melengkapkan diri dengan strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik. Sehubungan dengan kehendak tersebut guru harus mengikuti kursus-kursus pendidikan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan , Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Contohnya para guru boleh mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan ataupun Kursus Peningkatan Profesionalisme Keguruan.Kursus-kursus pendidikan yang dihadiri penting bagi seseorang guru untuk mempertingkatkan keupayaan dan prestasi dalam profesi pendidikan yang kian mencabar dan kompleks ini. Memandangkan keperluan pendidikan untuk menyokong usaha-usaha kerajaan, maka profesi keguruan diharapkan dapat membuat anjakan paradigma kepada budaya yang berasaskan ilmu dan pemikiran( Rohani Abdul Hamid,1998)

## **3) Berupaya Membuat Keputusan dan Menyelesaikan Masalah Serta Berfikiran Kritis dan Kreatif**

Profesi keguruan sememangnya bidang kerjaya yang bukan sahaja mengajar atau mendidik anak bangsa, malah lebih daripada itu. Individu yang terlibat dalam profesi keguruan sebenarnya akan terlibat sebagai pentadbir, pengurus, perancang, pelaksana, penilai, penyelia, pengawal dan sebagainya.Sebagai pentadbir ataupun pengurus, guru harus boleh membuat sesuatu keputusan dalam melaksanakan sesuatu tindakan dan menilai semula hasil sesuatu perkara yang dijalankan.Perubahan-perubahan dalam kurikulum pendidikan juga memerlukan guru untuk menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Pendekatan

ini bukan sahaja perlu digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah,tetapi jika perlu keadah berfikir secara kritis dan kreatif boleh diaplikasikan dalam pentadbiran,mengurus ataupun dalam perancangan sesuatu program.

#### 4) Mahir Menggunakan IT

Bidang pendidikan sentiasa berkembang dan mengalami perubahan mengikut tuntutan zaman, perkembangan pesat percantuman teknologi-teknologi telekomunikasi dan internet serta globalisasi dunia telah banyak membawa banyak cabaran kepada kita. Kita tidak dapat menyangkal betapa cepatnya IT merubah dunia pembelajaran umpamanya muncul pembelajaran melalui ‘online’. Para guru pada hari ini telah bersikap produktif, proaktif dan responsive terhadap perkembangan kecanggihan teknologi yang telah banyak mengajar anak bangsa kita supaya menjadi satu bangsa yang maju. Ilmu dan kemahiran dalam teknologi info-komunikasi yang dikuasai guru dapat digunakan sebagai pemankin kearah menghasilkan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti.Sebagai pemungkin, guru menggunakan teknologi info-komunikasi bukan hanya untuk menyampaikan ilmu di dunia semata-mata tetapi juga untuk meraih kepentingan ilmu akhirat kerana pendidikan berkualiti hanya akan dapat dicapai melalui keseimbangan dalam kedua-dua ilmu tersebut.

Hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020, menyebabkan pembangunan negara bergerak dengan rancak. Pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk membangunkan teknologi maklumat seperti koridor raya multimedia [multimedia super corridor (MSC)] yang menjadi pusat telekomunikasi dan penyiaran serantau dan antarabangsa. Hal yang sama juga berlaku dalam kurikulum pendidikan di negara ini, komputer telah dijadikan sebagai satu kurikulum di sekolah. Penubuhan sekolah bestari yang berteraskan penggunaan komputer merupakan salah satu bentuk kurikulum yang memerlukan profesi keguruan tahu dan menguasai teknologi maklumat. Penggunaan

komputer dalam pendidikan membawa satu reformasi serta perkembangan baru dalam pelbagai bidang pendidikan, khasnya dalam teknologi pendidikan, teori pendidikan, teori-teori pengajaran-pembelajaran, pengurusan sekolah, sistem pentadbiran pendidikan serta kemahiran dan latihan guru (Mok Soon Sang, 1996). Dalam era teknologi maklumat seperti sekarang, kita berhadapan dengan pelbagai peralatan elektronik dalam kehidupan harian, malah kemudahan teknologi telah menjadi satu cara hidup seperti penggunaan pengangkutan berasaskan teknologi (LRT), perkhidmatan bank (kad ATM), telekomunikasi (telefon bimbit), hiburan (Video, VCD) dan lain-lain. Jadi rakyat negara ini harus dapat menangani kehidupan di era teknologi maklumat sehingga teknologi itu menjadi sebahagian daripada amalan biasa tanpa disedari. Oleh itu, profesi keguruan harus memperlengkapkan diri secara global dalam perkembangan penggunaan teknologi maklumat dalam kurikulum di sekolah.

#### 5) Berpengetahuan dan Berdaya Fikir Serta Berakhhlak

Seseorang guru dalam profesi keguruan ini perlu serba tahu. Guru diharapkan dapat membawa isu-isu semasa untuk perbincangan dan mencari penyelesaiannya bersama-sama pelajar di dalam kelas. Contohnya, di Malaysia kadar kemalangan jalan raya adalah tinggi, pendidikan memandu kereta adalah satu perkara yang dipandang serius oleh kerajaan pada masa ini. Keselamatan di jalan raya dan cara-cara memandu yang selamat dan bertimbang rasa boleh dibincangkan di dalam kelas untuk menyedarkan pelajar tentang keperluan memperbaiki situasi yang terdapat sekarang, dengan harapan mereka tidak akan berkelakuan sedemikian apabila mereka menjadi pemandu kelak. Melalui pembacaan guru dapat menambah ilmu pengatahanan mengenai isu-isu semasa, sama ada yang berkaitan dengan kekeluargaan dan komuniti, janayah : seperti peras ugut, pecah rumah, penculikan dan seumpamanya ; ekonomi : urusan perniagaan, jual-beli saham, harta tanah dan sebagainya ; politik : hubungan negara di peringkat antarabangsa dan juga pergolakan politik sesebuah negara. Dalam hal seperti ini, guru diharapkan dapat menggunakan kebijaksanaan dan inisiatif

sendiri dalam menggunakan isu-isu semasa untuk dikaji dan dibincangkan dengan pelajar. Dalam perubahan-perubahan sistem pendidikan yang semakin mencabar ini, profesi keguruan juga perlu menyediakan diri dengan amalan nilai dan akhlak yang terpuji.

Dalam kurikulum pendidikan peringkat rendah dan menengah telah ditegaskan nilai-nilai murni perlu diterapkan dalam pengajaran. Pelaksanaan penerapan nilai penting untuk menyediakan para pelajar menjadi warga yang berguna kepada negara pada masa hadapan. Hal yang sama juga perlu dihayati oleh guru. Enam belas nilai murni yang disarankan dalam kurikulum pendidikan perlu dimiliki oleh guru terlebih dahulu.

## Penutup

Sistem pendidikan di negara ini akan sentiasa bergerak maju ke hadapan. Perubahan-perubahan yang dilakukan dalam kurikulum pendidikan adalah untuk memenuhi kehendak negara merealisasikan sebuah negara maju pada masa hadapan. Setiap perubahan-perubahan dalam kurikulum pendidikan yang diperkenalkan menjadi satu bentuk cabaran dalam profesi keguruan. Oleh itu adalah mustahak bagi individu yang berkecimpung dalam bidang ini sentiasa berusaha mempertingkatkan kecekapan, kebolehan prestasi dari semasa ke semasa. Jika hal ini wujud, barulah tuntutan-tuntutan dalam perubahan kurikulum itu dapat ditangani. Namun kini sejauh mana kita mengiktiraf dan memartabatkan perguruan sebagai satu profesi adalah bergantung kepada anggapan masyarakat, ini kerana masih ada lagi yang menganggap profesi perguruan sebagai kelas kedua. Menurut Dr. Muhamad Hasan Abdul Rahman iaitu Timbalan Dekan Pelajar dan Pembangunan, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) beliau menegaskan dalam usaha untuk memartabatkan profesi perguruan selain daripada peranan pihak Kementerian Pendidikan, Persatuan Perguruan dan masyarakat, para guru sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang besar dalam meningkatkan aspek keprofesionalannya dengan melengkapkan diri dengan pelbagai jenis ilmu dan kemahiran yang tinggi.

# **TRANSKRIP**

# **Transkrip**

## **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

**Petunjuk:**

**NSS: Nik Syaza Syafinas bt Nik Mansor**

**JMA: Encik Jaafar bin Muhammad Amin**

**NSS :** Assalamualaikum Encik Jaafar, terima kasih kerana sudi di temubual oleh kami, saya Nik Syaza Syafinas bersama rakan saya Nadiah Amirah ingin menemubual Encik Jaafar mengenai pengalaman bekerja sebagai guru.

**JMA :** Terima Kasih.

**NSS :** Sama-sama. Sebelum saya mulakan temubual, bolehkah saya bahasakan Encik Jaafar sebagai panggilan Tok Ba?

**JMA :** Boleh.

**NSS :** Okay [baiklah] sebagai permulaan saya akan bertanyakan serba sedikit mengenai diri Tok Ba, sebelum meneruskan soalan mengenai kerjaya.

JMA : Maksudnya *gapo tu* [macam mana tu]?

NSS : Maksudnya, kita akan mulakan soalan mengenai diri Tok Ba dulu [dahulu], selepas itu baru soalan mengenai kerjaya. Kita mulakan dengan nama penuh Tok Ba. Apakah nama penuh Tok Ba?

JMA : Jaafar bin Muhammad Amin.

NSS : Bilakah Tok Ba dilahirkan?

JMA : Dilahirkan pada satu Januari Sembilan belas tiga puluh dua.

NSS : Jadi berapa umur Tok Ba sekarang ya?

JMA : Lapan puluh satu.

NSS : Dimanakah Tok Ba dilahirkan?

JMA : Dilahirkan di Kampung Pasir Pekan, tepi sungai.

NSS : Jadi Tok Ba bukan berasal dari kampung ini lah?

JMA : Bukan, disini baru berpindah.

NSS : Berpindah di sini dalam berapa tahun?

JMA : Berpindah ke sini pada tahun *tujuh puluh empat* [1974].

NSS : Siapakah yang tinggal bersama Tok Ba sekarang?

JMA : Sekarang *ni [ini]* Tok Ba bersama dengan isteri dan adik seorang.

NSS : Apakah nama penuh isteri Tok Ba?

JMA : Ramlah binti Omar.

NSS : *Dah [sudah] berapa tahun berkahwin dengan Tok Ma?*

JMA : Atok berkahwin dengan dia pada bulan ogos tahun *lima puluh enam* [1956].

NSS : Bolehkah Tok Ba beritahu nama ibu dan ayah Tok Ba?

JMA : Ibu Tok Ba bernama Aminah binti Hj. Mamat, ayah Muhammad Amin bin Salleh.

NSS : Maaf bertanya, adakah mereka masih ada?

JMA : Kedua-duanya sudah meninggal.

NSS : *Dah [sudah] berapa lama dah [sudah]?*

JMA : Ibu meninggal semasa Tok Ba masih kecil lagi, dalam umur dua tahun lebih kurang, kemudian ayah meninggal pada tahun *tujuk puluh lapan* [1978].

NSS : Selepas Tok Ba berkahwin lah ya?

JMA : Ya, selepas berkahwin.

NSS : Ibu bapa Tok Ba berasal dari kampung yang sama?

JMA : *Hor [ya] sama, Kampung Pasir Pekan.*

NSS : **Apakah pekerjaan ibu dan ayah Tok Ba semasa mereka masih hidup?**

JMA : Ibu dia bekerja sebagai suri rumah pada masa itu, kemudian bapa ayah kerja *tak* [tidak] menentu lah, kerja kampung, kadang-kadang dia jadi tukang simen, kadang kalau *tak* [tidak] ada kerja orang kelantan *kata kokok* [panggil mengaut] etok, cari etok dalam sungai.

NSS : **Oo, *tak* [tidak] tentu la kerjanya?**

JMA : Ya, *tak* [tidak] tentu kerjanya.

NSS : **Bilangan adik beradik Tok Ba, berapa orang semuanya?**

JMA : Jadi adik beradik sebelah bapa, ada tiga, empat. Seorang telah meninggal dunia yang sulung sekali, kemudian yang kedua Abdul Aziz tinggal di Melaka, yang adik bongsu Mohamad Nor tinggal di Kampung Hutan, Hutan Hilir. Kemudian sebelah ibu dua orang iaitu Tok Ba *ni* [ini] yang sulung keduanya Zarah, adik Zarah lah, Zarah Binti Che Daud, adik *pok* [bapa] lain.

NSS : **Kesemuanya sudah berumah tangga?**

JMA : Ya, sudah.

NSS : **Bagaimana pula dengan bilangan cucu Tok Ba, ada berapa semuanya?**

JMA : Enam belas, enam belas orang dan cicit ada dua orang.

**NSS : Bolehkah Tok Ba ceritakan serba sedikit mengenai cucu dan cicit Tok Ba?**

**JMA :** \_\_\_ Nor, Nor Diana (tarik nafas), kemudian (berdehem) anak yang kedua Noraini pergi universiti (suara orang bercakap) , yang pertama Aimanuddin, kedua Amirah dan yang ketiganya – *gapo name hor* [apa nama ya] Qilah kemudian yang keempat Izzuddin. Kemudian \_ lagi . Kemudian anak yang ketiga Muhammad Lazim, *dio duo ore* [dia dua orang] anak, *duo-duo* [dua-dua] masuk universiti. Iaitu *laki-laki* [lelaki] Immamu Mubbin kemudian yang perempuan Salikin. Kemudian, bagi anak yang keempat, perempuan Nor Fadiah, dia ada empat orang anak yang nombor satu sahaja berjaya ke Universiti iaitu Nur Amalina. Kemudian yang lain *tu* [itu] masih bersekolah lagi lah.

**TAMAT BAHAGIAN A**

## **BAHAGIAN B: PENGALAMAN BELAJAR DAN MENGAJAR SEBELUM DAN SELEPAS MERDEKA**

**NSS :** **Pada zaman kanak-kanak, Tok Ba hidup sebelum merdeka, bolehkah Tok Ba ceritakan serba sedikit pengalaman hidup sebelum merdeka kalau masih ingat?**

**JMA :** **Ha jadi cerita ringkas lah, sebelum merdeka dulu, Tok Ba tinggal dengan ibu tiri, tinggal di, di sekarang *ni* [ini] dikenali dengan Kampung Telipok Kota Bharu, dekat dengan Masjid Telipok Kota Bharu lah, kemudian , jadi, *bapak* [*bapa*] *tu* [*itu*] bekerja tidak (bunyi kenderaan) menentu kan,jadi pindah sana pindah sini, akhir sekali dekat dengan pecah perang dunia kedua *tu* [*itu*], baru Tok Ba balik duduk rumah *ni* [ini], rumah Pasir Pekan lah. Kemudian, selepas Jepun menduduki tanah melayu (bunyi kenderaan) lebih kurang setahun *lepas* [*selepas*] *tu* [*itu*] lebih kurang tahun *empat puluh dua* [1942], eh *empat puluh tiga* [1943] rasa *gitulah* [begitulah] Tok Ba bersekolah dalam masa pendudukan Jepun lah, jadi masa *tu* [*itu*] kalau tidak bersekolah *tak* [tidak] boleh, mesti bersekolah, Jepun paksa.**

**NSS :** **Paksa sekolah? Kalau *tak* [tidak] sekolah kena tindakan apa?**

**JMA :** **Kadang-kadang dia apa *igak* [tangkap] tangkap ibu bapa lah.**

**NSS :** **Dia *nak* [hendak] semua ada pendidikan masa *tu* [*itu*]?**

**JMA :** **Ya, dia mahu ada pendidikan. Jadi di sekolah, masuk tahun *empat puluh tiga***

[1943] sehingga tahun *lapan puluh* [1980] eh *empat puluh lapan* [1948] tahun lah sekolah masa pendudukan jepun *tu* [itu], jadi Tok Ba belajar bahasa Jepun, mesti belajar.

**NSS : Bolehkah Tok Ba ceritakan serba sedikit tentang pemerintahan ketika itu ?**

JMA : Setelah belajar dalam bahasa jepun dua tahun \_ \_ haa, *berapa doh* [berapa dah], empat puluh empat negeri Kelantan diperintah oleh Thailand, - sehingalah sampai kepada Ingeris kembali \_ \_ , *pasa apo* [kenapa apa] Thailand boleh perintah di Kelantan kerana perjanjian Jepun nak *mari* [datang] ke Malaysia *ni* [ini] melalui Thailand, jadi dia buat perjanjian itulah. Kalau Jepun *mene* [menang] pemerintahan Melayu *dio bui ko* [dia bagi ke] Thailand, Kelantan *ni bui* [ini bagi] kepada Thailand memerintah ( suara kanak-kanak menangis ) \_ \_ , kita pelajaran sama *jah* [sahaja], *hor* [ya] pemerintahan *samo masa* [sama semasa] pemerintahan Jepun dulu [dahulu] lah (menarik nafas).

**NSS : Thailand perintah dua tahun?**

JMA : Dua tahun, lebih kurang dua tahun lah. Itulah *tak dok dah* [tidak ada sudah] lah.

**NSS : Berapakah gaji yang diberikan kepada Tok Ba ketika Tok Ba menjadi guru?**

JMA : Semasa dilantik menjadi guru pelatih, gaji *empat puluh empat [RM 44.00]* ringgit. Tiga bulan kemudian kerajaan (bunyi loceng gelang) tambah kola *lima belas [RM 15.00]* ringgit, jadi gajinya *enam puluh [RM 60.00]* ringgit sebulan, sehingalah tamat apa *ni* [ini] latihan perguruan itu pada tahun *lima puluh tiga [1953]* – kan *lima puluh tiga [1953]* tamat pengajian perguruan ditawarkan gaji *lapan puluh tujuh [RM 87.00]* ringgit setengah sebulan.

NSS : Masa *tu* [itu]?

JMA : Masa *tu* [itu].

NSS : *Lepas [selepas] keluar je [sahaja] lapan puluh tujuh [RM 87.00] ?*

JMA : *Hor [ya] lapan puluh tjuh ringgit lima puluh sen [ RM 87.50] tu [itu] kira dah qualified doh tu [sudah bekelulusan] jadi cikgu qualified [berkelulusan] yang telah lulus, kemudian naik-naik lagi, ada satu masa *tu* [itu] terlupa dia buat perubahan gaji *lapan puluh tujuh ringgit setengah [RM 87.50]* tu [itu] kepada berapa lupa *dah* [sudah] —*

NSS : Naik gaji *tu* [itu] ikut tahun ke --

JMA : *Dok [tidak] itu dari persatuan tuntut perubahan gaji key [kan], jadi dia bui [bagi] perubahan, haa, *tu tak* [itu tidak] *ingat dah* [ sudah] berapa.*

NSS : Masa *tu* [itu] naik?

JMA : Naik lah, *tapi* [tetapi] daripada *lapan puluh tujuh ringgit setengah [RM*

*87.50] tu [itu] kepada berapo [berapa] tak [tidak] ingat dah [sudah], terlupo [tidak ingat] (berdehem). Kemudian \_ sampai pada gaji dua ratus lima [RM 205] – sebulan, masa tu [semasa itu] lulus SPP [Sijil Pengajian Persekutuan], Sijil Pengajian Persekutuan.*

**NSS : Tu [itu] dapat dua ratus [RM 200] ringgit —**

**JMA : Tu dok [itu tidak], masa itu dua ratus lima [RM 205.00] ringgit gaji biasa, bila lulus SPP [Sijil Pengajian Persekutuan] kerajaan bui [bagi] gaji tiga ratus sepuluh [RM 310.00] ringgit. Naik lagi lah, itu gaji biasa, gaji bagi lepas SPM [Sijil Pengajian Malaysia] atau SPP [Sijil Pengajian persekutuan] waktu tu [itu], tak dok doh [tidak ada sudah ] lah, kemudian tu [itu] ada perubahan-perubahan lagi, tak [tidak] ingat dah [sudah] lah \_ akhir sekali gaji seribu dua ratus lima puluh [RM 1250.00] ringgit.**

**NSS : Masa tu [itu] Tok Ba Guru besar?**

**JMA : Hor [ya], Guru Besar lah.**

**NSS : Apakah perbezaan pembelajaran sebelum dan selepas merdeka?**

**JMA : Masa Thailand tu [itu] pembelajaran tidak berubah lah, samalah, cuma pemerintahan pemerintahan dia lah, pemerintahan Thailand.**

**NSS : Tu [itu] pasal belajar, kalau pasal macam kehidupan Tok Ba masa zaman kanak-kanak , macam biasa, macam main- main ---**

JMA : Macam biasa lah.

NSS : Macam sekarang juga lah, *masa [semasa]* itu Jepun *tak [tidak]* kacau —

JMA : Tak [tidak] kacau --- *tak dok kaca* [tidak ada ganggu] Jepun (suara orang bercakap dan ketawa), dan *ni [ini]* satu lagi yang penting kan, dalam masa pemerintahan Jepun di Kelantan atau di Malaya, di Kelantan akhir-akhir sekali *apo ni* [apa ini] orang ramai menjadi dalam kelaparan (suara orang bercakap) kerana kekurangan makanan terutama sekali beras, *tak dok [tidak ada]* beras.

NSS : Berapa lama jadi macam *tu* [itu]?

JMA : *Lamo jugok lah tu* [lama juga la].

NSS : *Lepas tu [selepas itu]*?

JMA : Kemudian masing – masing *tu* [itu] ada yang tanam ubi keledek, ubi kayu. Kemudian yang *tak dok* usoho tu dio [tidak ada usaha dia] makan umbuk-umbuk kayu, macam umbuk pinang, *buleh makey key* [boleh makan kan].

NSS : Memang *tak [tidak]* makan nasi langsung la *masa tu* [semasa itu] ?

JMA : *Tak dok [tidak ada]* nasi lah, jadi Tok Ba masih ingat *sekali* [sangat], ada waktu malam *tu* [itu] Tok Ba ada lebih kurang satu *kapok* [cupak] beras, *nak* [hendak] makan (suara kanak-kanak menagis) Tok Ba sendiri, ayah dan mak tiri *mok tak dok* [mak tidak ada], *mok tiri key* [mak tiri kan]. Jadi, *nak*

[hendak] makan *ni* [ini], tentu *tak* [tidak] cukup kan, maka mak tiri *tu* [itu] dia masak nasi kemudian campur dengan ubi keledek, jadi *banyok* [banyak] sikit lah. Tapi bila sampai waktu makan, Tok Ba menangis, tok leh [tidak boleh] makan – susahnya *masa* [semasa] Jepun *dulu* [dahulu] (suara kanak-kanak).

NSS : Macam mana beras boleh jadi *tak de* [tidak ada]?

JMA : Pasal beras *ni* [ini] padi, orang kampung buat padi, Jepun *ambil* [ambil], bagi dekat askar dia, askar ke Burma *mano key* [mana kan].

NSS : *Supply* [bekalkan] ke Burma ---

JMA : *hor* [ya], *supply* [bekal] ke Burma *mano* [mana] jadi kekurangan lah dalam negerinya beras *tuh* [itu], jadi yang *keduonya* [keduanya] jepun beras *banyok* [banyak] tapi nak makannya *tak* [tidak] boleh - sebab halangan *tu* [itu] di laut-laut *key* [kan] kapal-kapal perang *tu* [itu] *ado* [ada], jadi itulah yang menyebabkan kekurangan *makane* [makanan].

NSS : Makan lah ubi-ubi —

JMA : Makan lah ubi *tak* [tidak] kira lah pisang *ko gapo* [ke apa] umbuk pisang *ko tak kiro* [tidak kira] lah.

NSS : Masa *tu* [itu] rakyat melayu *tak* [tidak] mogok dengan Jepun —

JMA : Eh *tak leh* [tida boleh], *jange* [jangan] jauh sekali *nak* [hendak] mogok

(suara kanak-kanak menangis, orang jumpa Jepun pun lari, takutnya dengan jepun, sebab *dio* [dia] Jepun *ni* [ini] kadang-kadang *tak* [tidak] *nanti* [tunggu] salah, dia *pelepang selalu* [penampar terus].

**NSS : Pancung ke?**

JMA : *Dok* [tidak], pancung *tu* [itu] kira kes-kes besar lah, macam orang jadi \_\_\_\_\_ pancung la itu.

**NSS : Tengok dalam TV** [televisyen] kan yang bila Jepun datang tengok ada radio *kat* [dekat] rumah *tu* [itu] \_\_\_\_\_ memang *tak* [tidak] boleh —

JMA : Tentu lah, memang *tak* [tidak] boleh, pasal jepun *ni ado* [ini ada] radio kita dapat hubungi dengan orang luar, terutama sekali askar Tanah Melayu *masa tu* [semasa itu] ramai berada di India, *lupo dah* [lupa sudah] la, kalau *tak* [tidak] salah pasukan satu tiga enam yang diketuai oleh Tengku Mahmud Maiyiddin orang Kelantan *tuh* [itu], jadi dalam masa *tu* [itu] dalam masa Jepun *tu* [itu] boleh dikatakan malam, tiap-tiap malam *kapal terbe tu mari* [kapal terbang itu datang], *kapal terbe* [kapal terbang] B29 dipanggil masa *tu* [itu], *mari round* [datan ronda].

**NSS : Kapal terbang Jepun lah?**

JMA : *Dok Kapal terbe* [tidak kapal terbang] orang putih lah daripada india *tu* [itu] dia *mari round* [datng ronda] seluruh Malaya *nih* [ini] – haa, itu kemudian bila – satu lagi yang pernah Tok Ba tengok pada hari Jepun *mari* [datang] ke

Kelantan pada hari yang kedua di depan kampung Tok Ba *tu* [itu] di Kota Bharu lah dipanggil pengkalan minyak gas dalam bahasa melayu *tapi* [tetapi] sebenarnya di situ *stor- stor* [setor-setor] minyak Inggeris, tempat simpan minyak. Jadi, pada pagi hari yang *keduo tuh* [kedua itu], Inggeris *baka* [bakar] lah , meletup habis semua, terbakar semua, takut *dey* [dapat] ke Jepun *key* [kan], bila Jepun, *buleh ko dio* [ dapat dekat dia] lah. Kemudian hari pertama Jepun *mari tuh* [datang itu], *male tu* [malam itu] Tok Ba ingat, Tok Ba duduk dengan *Pok Sedara* [bapa saudara] dah meninggal lah, apa yang kita dengar masa *tuh* [itu], tembakan meriam, degung, degung, bunyi *key* [kan], dimana tembakan tu [itu], di Pantai Semut Api - .

**NSS : Kenapa dia tembak?**

JMA : Askar Jepun *mari* [datang] lah. Malam pertama askar jepun mari - . Jadi askar orang putih *ni* [ini] tembak *gi* [menghala] ke dia, sebenarnya masa *tu* [itu], ikut cerita lah, jepun sudah mendarat *dah* [sudah] , jepun bakar kapal dia di laut *nuh* [sana], dia berenang ke pantai - .

**NSS : Cara dia nak masuk?**

JMA : *hor* [ya] , cara dia nak masuk. Kemudian pagi *tu* [itu] juga, bila pagi *tu* [itu] Tok Ba pergi ke sungai, rumah dekat dengan sungai kan, *nak* [hendak] mandi *duk nengu* [duduk termenung], tengok \_ \_ berbelas buah *kapal terbe* [kapal terbang] kecil la naik \_ daripada pengkalan Cepa naik, naik.

NSS : **Dia tak [tidak] jatuhkan bom ke \_\_ kat [dekat] kampung ---**

JMA : *Tak dok [tidak ada] lagi, masa [semasa] mula-mula berlakunya perang key [kan], tak dok [tidak ada] lagi lah. Bila semua kapal terbang orang putih naik, pergi mana tak [tidak] tahu lah. Kemudian lebih kurang dalam sembilan pagi hari kedua tuh [itu]. Datang satu kapal terbe [kapal terbang] yang pelik, yang tak [tidak] pernah kita tengok (bunyi barang jatuh) dia terbang rendah tepi sungai (suara kanak-kanak menangis) tapi tak [tetapi tidak] tahu kapal terbe sapo [kapal terbang siapa]. Itulah kapal terbe [kapal terbang] Inggeris, eh Jepun yang pertama sekali mari [datang] ke Tanah Melayu di Negeri Kelantan lah.*

NSS : **Mula-mula dia datang dia tak [tidak] buat kacau terus?**

JMA : Eh, dok [tidak], dia mari tu [datang] ---

NSS : **Dia dengan orang putih tu je [itu sahaja] lah masalah?**

JMA : Ya, dia dengan orang putih je [sahaja] lah masalah, dia nak perintah tu ja [itu sahaja].

NSS : **Pas tu [selepas itu], Tok Ba sempat tak [tidak] peristiwa tiga belas Mei?**

JMA : *Memey [memang] lah tahu, tapi tak [tetapi] [tidak] ambik hirau [kisah] lah.*

NSS : **Masa tu [itu] kecil lagi?**

JMA : Eh, dok [tidak] eh, dah [sudah] jadi guru dah.

**NSS** : **Haa, tak [tidak] boleh la.**

**JMA** : *Tiga belas [13] Mei dah [sudah] jadi guru, tahun tujuh puluh enam [1976] eh, tahun enam puluh Sembilan [1969] key [kan], kalau tak [tidak] silap. Enam puluh Sembilan [1969]? Bukey [bukan] Enam puluh Sembilan [1969] (memikir). Masa tu[itu] Tok Ba mengajar di hulu – tahun berapo [berapa] tujuh puluh enam [1976], tujuh puluh Sembilan [1979] – haa, tengok dalam sejarah la. Masa tu [itu] Tok Ba mengajar dah [sudah], tapi tak [tetapi tidak] peduli lah.*

**NSS** : **Kalau terlibat memang ada tindakan daripada kerajaan? Macam mana tindakan dia tu [itu]?**

**JMA** : Haa, tak [tidak] tahu lah. Memang tak [tidak] buat, tak [tidak] tahu lah tindakan dia macam mana – kemudian apo [apa] lagi, tambahan lah tu [itu].

**NSS** : **Semasa Tok Ba belajar dulu [dahulu], apakah bahasa yang Tok Ba gunakan ketika itu?**

**JMA** : Masa tu jugak [itu juga], dia ada lagu Thailand Bahasa Thailand la, dalam Bahasa Thailand (suara orang bercakap) masa pagi tu [itu] \_ \_ (bunyi tarikan kertas) Jepun Kimigayo, Thailand ni [ini], Patikthai namanya lagu (Tok Ba menyanyi lagu patikthai) (ketawa) pasal [kerana] selalu dengar kan, kalau buka tv sie ado [televisyen siam ada] la.

NSS : **Lagu dia? Oo, memang lagu Negara dia sekarang lah?**

JMA : *Hor [ya]*, lagu dia sekarang lah ---

NSS : **Haa, sama macam kita lah, lagu dari dulu sampai sekarang sama.**

JMA : *Hok tu* [yang itu], (suara kanak-kanak menangis) Kimigayo tu dalam Bahasa Melayu, pandanglah ke Timur *gitu* [begitu] rasanya lah *tak* [ingat] ingat *dah* [sudah].

NSS : **Sekarang Tok Ba boleh, ingat lagi *tak* [tidak]? (ketawa).**

JMA : *Tak* [tidak] boleh *dah* [sudah], *tak* [tidak] ingat dah (ketawa) - kemudian, apa *ni* [ini] mata pelajaran disekolah nak [hendak] juga?

NSS : **Haa, mata pelajaran yang belajar di sekolah pada masa itu?**

JMA : Belajar di sekolah masa *tu* [itu], dia di sekolah *ni* [ini] sekolah melayu la, semua mata pelajaran, ilmu hisab masa *tu* [itu] ilmu hisab sekarang *ni* [ini] matematik lah, kemudian *congok congok hok* [congak congak yang] *ni* [ini] mesti berdepan, guru baca soalan kita jawab, *hor* [ya] yang *tu* [itu] *congok* [congak], kalau masa sekarang *ni* [ini] dia panggil apa *nih* [ini], matema *apo* *ni* [apa ini] hisab maju laju laju.

NSS : **Tanya jawab, tanya jawab.**

JMA : *Hor* [ya], tanya jawab cepat *gitulah* [begitulah]. Kemudian Bahasa Melayu, Bahasa Melayu *ni* [ini] terdiri daripada Bahasa Melayu sendiri, karangan,

nahu, tulis menulis, ejaan, *hor* [ya] tu Bahasa Melayu. Kemudian ilmu-ilmu lain macam ilmu alam, dipanggil ilmu alam pada masa itu, ilmu alam sebagai dua, ilmu alam dan ilmu bumi, mata pelajaran. Kemudian tawarih, tawarih *ni* [ini] kalau masa sekarang *ni* [ini] sejarah lah - kemudian ilmu kejadian, sekarang *ni* [ini] ilmu tanaman, sains sains pertanian, kemudian kesihatan dan akhir *ugamo* [agama]. Jadi semua matapelajaran *tu* [itu] dalam peperiksaan mesti lulus.

NSS : **Kalau tak [tidak] lulus?**

JMA : Kalau tak [tidak] lulus tak [tidak] naik darjah.

NSS : **Kena ulang-ulang?**

JMA : *Hor* [ya], kena ulang darjah lah. Jadi Alhamdulillah lah Tok *ni* [ini] daripada awal sehingga akhir lulus sentiasa lah.

NSS : **Tak [tidak] ada sangkut mana-mana lah?**

JMA : *Tak* [tidak] ada sangkut mana-mana lah. Kemudian dalam tahun *empat puluh tujuh* [1947], lulus darjah lima pada masa *tu* [itu], Tok Ba dipanggil peluang temuduga untuk pergi ke Maktab Tanjung Malim, Maktab Perguruan Tanjung Malim. Jadi malangnya kerana umur muda, *tak leh gi* [tidak boleh pergi] lah, darjah lima umur muda, *tak leh gi* [tidak boleh pergi] lah. Kemudian pada tahun *empat puluh lapan* [1948], pengarah masa *tu* [itu] dipanggil pegawai pelajaran, orang putih lah, *tak* [tidak] ingat nama apa, lupa

*dah* [sudah]. Jadi dia kata, Jaapar awak balik belajar darjah enam, sambung lagi belajar darjah enam, jadi masa itu lah pertama kali di sekolah melayu Pasir Pekan pada masa itu ada darjah enam, murid-murid seramai 20 *ore gitu* [orang begitu] lah . Jadi Tok belajar darjah enam setahun, luluslah. Lulus darjah enam, kemudian satu hari awal tahun *empat puluh Sembilan* [1949], semua pergi ke sekolah *belato* [belaka] kemudian cikgu besar panggil *sore-sore* [sorang-sorang] sehingga ada 18 *ore gitu* [orang begitu] rasanya panggil kemuadian cikgu besar kata, Jaapar kamu dengan Md Amin ada *saing* [rakan] nama Md Amin pergi Pasir Mas jumpa dengan guru pelawat, daripada Pasir Pekan ke Pasir Mas dengan apa, naik basikal, berdua naik basikal \_\_\_, jumpa dengan guru pelawat, guru pelawat dia kata, Jaapar awak pergi mengajar di Sekolah Melayu Tok Uban, saya *tak* [tidak] tahu di mana Sekolah Tok Uban, *tak* [tidak] tahu lagi masa *tu* [itu], jadi terima lah, itu seolah olah perintah, memo lah, kena ikut lah, jadi baliklah rumah balik lah pakat dengan kawan *ni gi* [ini pergi] lah sekolah Tok Uban *ni* [ini] di Pasir Mas lah. Di sana di Sekolah Tok Uban *ni* [ini] Tok belajar, eh *duk* [duduk] mengajar ada setahun lebih lah, kemudian Tok mengajar masa *tu* [itu] mengajar darjah empat. Lulus darjah enam, mengajar darjah empat, matapelajaran samalah sama dengan tok belajar *dulu* [dahulu] semua matapelajaran tidak ada kecuali, tidak ada bahasa inggeris masa *tu* [itu].

#### **TAMAT BAHAGIAN B**

## **BAHAGIAN C: PENGALAMAN DAN NASIHAT**

**NSS : Orang putih *tak* [tidak] suruh belajar bahasa dia?**

**JMA :** *Tak dok* [tidak ada], masa tu *tak dok* [tidak ada] lagi, sekolah melayu *tak dok* [tidak ada] inggeris, semua sekolah melayu *tak dok* [tidak ada] Bahasa Inggeris pada masa itu (suara orang bercakap) sehinggalah tahun *lima puluh* [1950], akhir tahun *lima puluh* [1950] Tok Ba ditukarkan ke sekolah Melayu Pasir Pekan, disini Tok mengajar darjah lima, tahun kedua Tok mengajar darjah enam (bunyi kenderaan) itu masa *tu* [itu] belum lulus lagi perguruan yang Tok Ba belajar perguruan, kelas hari sabtu, kelas hujung minggu hari sabtu, tiap-tiap hari sabtu kena hadir kelas itu serupa dengan apa yang *nak* [hendak] mengajar lah.

**NSS : Kat Tanjung Malim *tu* [itu] lah?**

**JMA :** *Dok* [tidak], *ni* [ini] di kelas *ni* [ini] masa Tok di sini belajar *tu* [itu] kan hadir kelas hari sabtu di Sekolah Kebangsaan Padang Garung pada masa itu, Kota Bharu lah, jemere sunga [menyeberangi sungai] jadi sehinggalah pada tahun *lima puluh tiga* [1953] Tok Ba lulus lah, lulus tahun ketiga, tamat jadi seorang guru *qualified* [berkelulusan].

**NSS : Tiga tahun ambil masa?**

**JMA :** *hor* [ya], masa tiga tahun. Jadi selepas itu dalam bulan June tahun *lima puluh tiga* [1953], Tok Ba ditukar ke Sekolah melayu Jeli, Jeli \_\_\_ Tanah Merah.

Di sana Tok Ba mengajar dua tahun, sekolah di sana darjah satu sampai darjah enam, guru dua orang, bilik darjah ada tiga. Jadi gambarkanlah bagaimana mengajar pada ketika itu, murid *tak* [tidak] ramai, ada lebih kurang lima puluh orang tapi gurunya ada dua orang kelasnya ada tiga macam mana *nak* [hendak] mengajar, jadi *tak* [tidak] cukup guru lah kan. Sehingga dua tahun Tok Ba pun tukar daripada Sekolah Melayu Jeli ke Sekolah Melayu Cabang Empat, Tumpat. Pada masa itu, masa pertukaran *tu* [itu] dipanggil masa *tu* [itu] lepas *tu* [itu] ditukar menjadi sekolah Melayu Umum kalau *tak* [tidak] silapnya.

NSS : Masa *tu dah* [itu sudah] berapa *dah* [sudah] jumlah bilangan guru?

JMA : Pada masa *tu* [itu] di Cabang Empat *tu* [itu] dah [sudah] ramai *dah* [sudah] lah, kelas ada berapa *dah* [sudah] lupa *dah* [sudah].

NSS : Pelajar pun *dah* [sudah] ramai?

JMA : *Hor* [ya], pelajar pun *dan* [sudah] ramai *dah* [sudah], enam ratus lebih *dah* [sudah], cikgu ada sepuluh ke lima belas orang *gitu* [begitu] lah. Darjahnya satu sampai darjah enam juga.

NSS : Darjah satu sampai darjah enam, darjah enam *tu* [itu] kiranya pendidikan paling tinggi?

JMA : Paling tinggi lah masa *tu* [itu], darjah enam paling tinggi lah.

**NSS : Umur 12 tahun lah?**

JMA : *Hor [ya], umur 12 gitu [begitu] la. Kemuadian lebih empat tahun, tiga tahun di Cabang Empat, Sekolah Umum Cabang empat, Atok minta tukar ke Sekolah Umum Pengkalan cepa, Pengkalan Cepa lah. Disana, mengajar di sana lama, lima enam tahun, jadi semasa di Sekolah pengkalan Cepa tu [itu] lah, pada masa itu kerajaan persekutuan mula-mula sekali buka kelas, apa nama ni [ini], adakan peperiksaan SRP [Sijil Rendah Pelajaran] atau pun dipanggil LCE [Lower Certificate of Education] Bahasa Inggeris . Jadi ditakdikan ingin nak [hendak] belajar kan, - (sebak) nak gi [hendak pergi] periksa tak [tidak] ada duit, bayar lima belas [RM 15.00] ringgit, tak [tidak] ada duit.*

**NSS : Nak [hendak] periksa tu [itu] kena ambil berapa bayarannya?**

JMA : *Lima belas [RM 15.00] ringgit. Subjek nya dah [sudah] lupa berapa subjeknya. Jadi - masa tu [itu] lah gi [pergi] jumpa dengan guru besar (sebak) kata cikgu (bunyi kenderaan).*

**NSS : Ingat balik,susahnya zaman dulu [dahulu].**

JMA : (sebak) ingat, saya tak [tidak] ada duit cikgu, saya nak [hendak] masuk periksa SRP [Sijil Rendah Pelajaran], tapi nak [hendak] bayar lima belas [RM 15.00] ringgit, berhutang dengan cikgu lima belas [RM 15.00] ringgit, berhutang dengan cikgu besar (sebak) nak [hendak] bayar periksa. Jadi (bunyi esakan) takdir periksa tu [itu] luluslah, bila lulus tu gak [itu kan], dia

buka tingkatan empat tingkatan lima jadi Atok ambil \_\_\_\_\_ kelas tambahan kelas malam tingkatan empat tingkatan lima, dua tahun lah belajar berterus terusan. Pada masa itu Atok tinggal di Kampung Tok Rendang rumah nenek lah, sekali dengan ibu nenek sanalah. Jadi, akhir tahun *enam puluh dua* [1962], periksa *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], pada masa itu tidak dipanggil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], ia panggil *SPP* [Sijil Pelajaran Persekutuan], Sijil Pelajaran Persekutuan.

**NSS : Umur berapa pada masa tu [itu]?**

JMA : Pada masa tu [itu] umur *lamo* [lama] *dah* [sudah], kira lah, tahun *enam puluh dua* [1962] ---

**NSS : Belasan tahun lagi?**

JMA : Belasan tahun *mano* [mana], tahun *tiga puluh dua* [1932] ke *enam puluh dua* [1962], tiga puluh tahun lebih la umur, tiga puluh tahun la *ni* [ini] usaha diri sendiri lah *nak* [hendak] kan pelajaran, jadi luluslah, bila lulus *SPP* [Sijil Pelajaran Persekutuan] tu [itu], jadi pada masa tu [itu] gaji Tok pada *hok* [yang] asalnya gaji *dua ratus lima* [RM 205.00] ringgit, bila lulus *SPP* [Sijil Pelajaran Persekutuan] kerajaan *bui* [bagi] gaji *tiga ratus sepuluh* [RM 310.00] jadi bertambahlah *seratus lima* [RM 105.00] ringgit kan \_\_\_\_\_. Kemudian masa tu [itu] mengajar Pengkalan Chepa lagi, jadi hasratnya *nak* [hendak] melanjutkan pelajaran lagi *tapi tak* [tetapi tidak] terdaya lah, pasal *tak* [tidak] ada fikiran kan, cuba juga ambil *STP* [Sijil Tinggi Pelajaran

Malaysia] beberapa kali tetapi gagal lah, *STP* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], rasa lima kali ke enam kali, cuma sekali dua kali, Tok cemerlang dalam pelajaran sejarah, Tok dapat *principel* [gred] B, entah macam mana lah, *tapi* [tetapi] yang lain *tidak* dapat yang lain kosong, gagal lah.

**NSS :** *Tak [tidak] boleh naik juga lah?*

**JMA :** *Tak [tidak] boleh naik juga. Kemudiannya tahun berikutnya Datok dapat lukisan *principle* [gred] B jugak tapi yang lain kosong *belako* [belaka] (ketawa) jadi *gitulah* [begitulah]. Sehingga pada tahun *enam puluh lima* [1965], tahun *Sembilan belas enam puluh lima* [1965] kerajaan mula-mula buka banyak sekolah-sekolah menengah rendah *ni* [ini], jadi kekurangan guru lah, terutama sekali guru dalam Bahasa Malaysia, guru dalam Matematik. Jadi, Datok lulus ahasa Malaysia *ni* [ini] kredit, Matematik pun kredit juga, jadi kerajaan tawar, Tok terimalah tawaran *tu* [itu], pergilah mengajar di sekolah menengah. Pada masa itu sekolah menengah yang pertamanya ialah untuk tingakatan tiga lah, satu hingga tiga, jadi Tok pindah dari Pengkalan Cepa ke *SMR* [Sekolah Menengah Rendah] Padang Garung Kota Bharu mengajar disana, tiga tahun, kemudian pindah ke sekolah Sekolah Putra, sama jah [juga], Sekolah SMR Padang Garung *tu* [itu] dengan Sekolah Putra sama, *tapi* [tetapi] pindah tempat, Sekolah Putra *ni* [ini] \_\_\_\_\_. Tok mengajar *situ* [di sana] sehingga tahun *tujuh puluh enam* [1976] eh tahun *tujuh puluh lima* [1975] akhir *tujuh puluh lima* [1975], berapa tahun belajar? Tahun *enam puluh lima* [1965], sepuluh tahun la kan? Jadi, pada bulan Jun, pada Januari*

tahun *tujuh puluh enam* [1976] Tok ditawar jadi guru besar Sekolah Kebangsaan Ulu Kelantan tempat paling jauh sekali lah ( suara orang ) iaitu di Kampung Star Sungai Neggiri, Gua Musang.

**NSS : Masa tu [itu] Tok Ma ikut sekali?**

**JMA :** *Tak* [tidak], Tok Ma *tak* [tidak] pergi. Tok Ma jaga anak di rumah lah. Jadi di sanalah, di sana masa mula-mula Tok Ba *gi tu* [pergi itu], sama macam sekolah Neggiri [dahulu], sekolah buluh juga, atap buluh, kemudian bilik darjah ada tiga juga - guru masa *tu* [itu] Tok Ba lagi ada tiga orang, Tok Ba sendiri, dua orang guru penolong, Tok Ba guru besar lah. Jadi tahun berikutnya, berusahalah dengan pejabat pelajaran sehingga pejabat pelajaran boleh hantar guru yang cukup lah, ada nya guru Agama dan guru Bahasa Inggeris. Pada masa *tu dah* [itu sudah], *apa ni* [ini], pelajaran *dah* [sudah] lain *dah* [sudah] kan tadi semua sekolah *tu* [itu], semua darjah *tu* [itu] belajar sorang saja, sekarang ni dah berpindah belajar, Inggeris ada, Agama ada , pecah -pecah lah bahagian *tu* [itu], jadi *gitu lah* [begitulah]. Sehinggalah tahun *lapan puluh* [1980], berpindah dari Sekolah Kebangsaan Star ke (suara orang bercakap) Sekolah kebangsaan Pangkal Kala, Pasir Mas *nih* [ini] *duk* [duduk] sana tiga tahun, kemudian berpindah ke sekolah Kebangsaan Kedondong, Pasir Mas juga. – *duk* [duduk] sana dalam setahun lebih juga lah. Kemudian pada tahun *lapan puluh lima* [1985] berpindah pergi ke Sekolah padang Pohon Tanjung dekat dekat ni [ini] lah, di sana dua tahun lah sehingga Tok Ba bersara Pada satu Disember *tujuk puluh enam* [1976] eh

*lapan puluh enam [1986].*

**NSS : Masa tu [itu] umur Tok Ba?**

JMA : *Lima puluh lima [55] tahun lah, tahun *lapan puluh enam [1986]* deh [kan] .  
Selepas mendapat *ganjaran tu [gaji itu]*, jadi Tok Ba bersama Tok Ma pergi  
ke Mekah lah.*

**NSS : Kali terakhir Tok Ba berhenti pencen *tu [itu]*, berapa gaji?**

JMA : *Masa tu [itu] gaji seribu dua ratus lima puluh [RM 1250.00].*

**NSS : Sebab Tok Ba guru besar?**

JMA : *Hor [ya], guru besar, *special [istimewa]* gred, sepecial gred *tu [itu]* gaji  
seribu dua ratus lima puluh [RM 1250.00]. Kemudian satu tingkatan lagi,  
tingkatan tertinggi masa itu gajinya seribu tiga ratus sepuluh [RM 1310.00],  
itulah.*

**NSS : Masa mula-mula Tok Ba mengajar *dulu* [dahulu] kan, dengan *student*  
[pelajar] *tak* [tidak] ramai, cikgu *tak* [tidak] cukup, macam mana  
perasaan Tok Ba ketika itu *nak handle* [hendak mengawal] situasi *tu*  
[itu]?**

JMA : Tok Ba buat salinan jadual hantar ke pejabat pelajaran, jadi pengarah  
terimalah cadangan *tu* [itu]. Jadi berjalan lah, lama *jugak* [juga] lah berjalan \_  
\_ \_ cukup guru, walaupun cukup guru darjah tiga juga. Masa *tu* [itu] guru ada

lima orang. Ada dengan guru Agama ada dengan guru \_\_\_\_\_ lima orang, jadi *nak* [hendak] mengajar dengan lima orang guru, kelas ada tiga, *tak* [tidak] cukup kelas pula. Jadi *nak* [hendak] pecah kelas *tak* [tidak] boleh lah, masa *tu* [itu] murid ada enam puluh orang. Dalam tiga darjah *tu* [itu] ada enam puluh orang. *Hor gitulah* [ya begitulah]. (suara orang bercakap belakang) . Jadi sehingga bersaralah tahun *lapan lupuh enam* [1986] *key* [kan], tahun *lapan puluh tujuh* [1987] pergi Mekah lah.

**NSS : Terus pergi Mekah setahun lepas *tu* [itu]?**

JMA : *Hor* [ya], setahun lah, *tak* [tidak] sampai setahun dan masa *tu* [itu] Mekah pergi awal, dalam bulan enam ke bulan tujuh, kira *tak* [tidak] sampai setahun lah. Masa *tu* *nak* [itu hendak] pergi haji mudah, orang *tak* [tidak] ramai, daftar boleh *gi selalu* [pergi terus].

**NSS : Naik naik kapal terbang la masa *tu* [itu]?**

JMA : *hor* [ya], kapal terbang dah la. Cuma - - -

**NSS : Sebelum *tu* [itu] ada yang naik kapal kan? Tahun berapa yang - - -**

JMA : Dulu *tu* [itu] tahun *tujuh puluh enam* [1976] kalau *tak* [tidak] silapnya, penghabisan kapal terbang lah, eh penghabisan kapal laut.

**NSS : Susah naik kapal laut?**

JMA : Tak Ba *tak* [tidak] tahu la, Tok *tak* [tidak] merasa.

**NSS** : Yela, *tapi* [tetapi] kalau tengok keadaan susah kan?

**JMA** : *hor* [ya], memang dia kapal laut *ni* [ini] daripada Pulau Pinang atau daripada Port klang mengambil masa *empat belas* [14] hari baru sampai Jeddah. Haa, \_\_\_\_\_ masa *tu* [itu], jadi kapal terbang *ni* [ini] lapan jam sampai *dah* [sudah], sekejap *je* [sahaja].

**NSS** : Bagi pandangan Tok Ba, apakah maksud pengertian seorang guru?

**JMA** : Guru *nih* [ini] *payoh* *nak oyak nih* [payah hendak cakap]. - Jadi guru *nih* [ini] satu pendidikan yang mencabar lah, terutama sekali pada zaman dulu, zaman dulu apa *ni* [ini] masa guru tidak mencukupi, jadi cukup-cukup mencabar sekali lah *nak* [hendak] menjalankan tugas *tuh* [itu], *tapi* [tetapi] walaubagaimana pun murid-murid pada masa tu dia akur, dia taat pada guru, tidak seperti hari ini. Hari ni *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] marah pada murid-murid, hari *tu takpa* [itu tidak apa], kita tempeleng dia *tak pa* [tidak apa], dia *tak* [tidak] marah. Haa, sesetengah *tu* [itu] dia *mari* [datang] dia kata terima kasih cikgu, *mujur* [nasib baik] cikgu tampar saya *haritu* [hari itu], dia boleh jadi pegawai *gi* [pergi] universiti. Haa, *mari* [datang] cari balik, ada dua tiga orang *mari* [datang] cari cikgu. Haa, *gitu* [begitu] lah.

**NSS** : Masa Tok Ba mengajar *dulu* [dahulu], mata pelajaran banyak. Pelajar-pelajar ada *tak* [tidak] terlibat dengan ko-kurikulum?

**JMA** : Ada, *tapi* [tetapi] tidak banyak *supo* [seperti] hari ini la. Seperti kita tengok

*sokan [sukan] , pastu [selepas itu] dia ada persatuan-persatuan ugamo [agama] ,persatuan seni lukis ada, persatuan bahasa melayu ada, persatuan matematik sains ada, kemudian pergerakan pengakap ada, St.John ada, itu je lah, lebih kurang gitu [begitu].*

**NSS :** **Masa Tok Ba mengajar, apakah prinsip Tok Ba *nak* [hendak] mengajar pelajar-pelajar?**

**JMA :** Jadi matlamatnya mahu murid kita *tu* [itu] lulus, berjaya itu *saja* [sahaja]. Sebab *tu* [itu], pernah Tok Ba menghadapi masa *nak* [hendak] periksa, kita uzur, *tapi* [tetapi] pergi cuti dengan doktor ambik ubat, doktor *beri* [bagi] cuti dua hari cuti, doktor mintak maaf saya ambil surat cuti, *tapi* [tetapi] saya *tak* [tidak] boleh cuti hari ni [ini], murid saya seminggu lagi belajar terpaksa pergi mengajar, cuti tidak hirau, asalkan kita sihat, budak boleh belajar \_ \_ \_ budak *tu* [itu] pandai.

**NSS :** **Apakah Tok Ba berpuas hati dengan perkhidmatan Tok Ba pada ketika mengajar dulu [dahulu]?**

**JMA** *Alhamdulillah lah, jadi kita terima kasih lah pada kerajaan dalam perkhidmatan *tu* [itu], jadi tidak ada apa lah yang boleh *nak* [hendak] kita bangkitkan kata *tak* [tidak] \_ \_ \_ *tak* [tidak] puas hati, *tak da* [tidak ada] lah sama lah masa *tu* [itu].*

**NSS :** **Ramai ke pelajar-pelajar Tok Ba yang Tok Ba *dah* [sudah] jumpa balik**

**[semula] sekarang, yang dah [sudah] berjaya semua?**

JMA : Haa, *tak* [tidak] ramai, pada masa *tu* [itu] budak *duk* [duduk] luar negeri. Ada baru *ni* [ini] dia pencen pegawai imegresen rasanya, jumpa di wakaf baru dengan dia sama-sama \_ \_ \_, ohh cikgu dia kata, dia peluk saya.

**NSS : Dia ingat, Tok Ba kenal lagi dia?**

JMA : *Tak* [tidak] ingat, *pasal* [kerana] rupa dia berubah *dah* [sudah].

**NSS : Tok Ba banyak pindah sekolah kan?**

JMA : *Hor* [ya], banyak pindah sekolah *so* [satu], dia *tu* [itu] berubah rupa, *hor tak* [ya tidak] kenal lah. *Tiga puluh* [30] tahun jumpa sekali, mana *nak* [hendak] ingat (suara Tok Ma).

**NSS : (ketawa) Masa [semasa] zaman sekolah sebelum merdeka *tuh* [itu], jenis hukuman kepada pelajar *tu* [itu] macam mana? Kalau melakukan kesalahan.**

JMA : Haa, kesalahannya hukumannya ialah rotan, mesti rotan lah. Cikgu boleh rotan, cikgu besar boleh rotan. Tapi akhir-akhir *ni* [ini], cikgu *tak* [tidak] boleh rotan, guru besar sahaja boleh rotan. Ha, itu hukuman, jadi berbezalah.

**NSS : Kenapa boleh jadi macam *tu* [itu], zaman sekarang ---**

JMA : Haa, itu polisi kerajaan lah itu, *nak* [hendak] jaga keselamatan guru \_ \_ \_ \_ macam-macam lah.

**NSS : Tok Ba sendiri pernah lah menghukum pelajar?**

**JMA :** Ya, pernah menghukum. Merotan pernah, kita *tempeleng* [menampar] pernah.

**NSS : Tak [tidak] ada apa tindakan dari pelajar ataupun ibubapa?**

**JMA :** *Tak da* [tidak ada] apa reaksi -

**NSS :** Apakah pendapat Tok Ba dengan sistem pendidikan zmn sekarang, berbanding zaman dahulu?

**JMA :** Jadi, *nak* [hendak] nilai susah la, Tok Ba *dah* [sudah] tinggal lama *dah* [sudah], jadi sekarang *ni dah* [ini sudah] bersara *dua puluh satu* [21] tahun ko [ke] *lapan puluh enam* [1986] eh *lapan puluh tujuh* [1987] bersara sehingga sekarang ni [ini], haa, lebih kurang dua puluh tahun lebih lah, haa jadi *tak* [tidak] dapat lah kita *nak* [hendak] bezakan, *tak* [tidak] boleh lah (tarik nafas), pelajar hari *ni* [ini], pelajaran banyak \_ \_ —

**NSS :** Sistem disiplin pada masa kini, apa pendapat Tok Ba tentang pelajar yang banyak melakukan kesalahan?

**JMA :** Jadi, pada Tok Ba lah, disiplin hari ini amat lemah sekali sebab kerana kelemahan disiplin itulah murid *tak* [tidak], kurang yang bejaya (bunyi motor), *tak supo* [tidak serupa] *dulu* [dahulu], *dulu* [dahulu] disiplin dia keras, murid takut, hormat pada cikgu, pada hari *ni* [ini], murid *tak* [tidak]

hormat pada cikgu.

NSS : Mungkin salah satu sebab polisi kerajaan?

JMA : Mungkin sebab polisi kerajaan atau mungkin *nak* [hendak] kata *ta*k [tidak] boleh lah *tu* [itu], itu *je* [sahaja] lah.

NSS : Jika kita lihat zaman sekarang, pelajar perempuan lebih ramai yang berjaya berbanding pelajar lelaki ---

JMA : Itu *nak* [hendak] komen susah jugak *tu* [itu], pasal perempuan *ni* [ini] banyak *toat* [taat] kan pada guru, ada pun pelajar lelaki *ni* [ini], dia *ni* [ini] suka *nak* [hendak] menentang, bermain, haa, melawan cikgu.

NSS : Soalan seterusnya, hubungan antara guru dan ibu bapa adalah penting untuk menjamin mutu pendidikan anak-anak mereka. Apakah pendapat Tok Ba mengenai itu?

JMA : Itu perhubungan itu memang penting untuk merapatkan sebab tu *lah* [itulah] kerajaan menu buhkan *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] kan? Jadi *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] menjadi penyambung di antara kedua pihak. Seandainya ibu *bapak* [bapa] dengan kakitangan sekolah dengan guru-guru *lah* [itulah]. Jadi kalau tidak ada *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] *ni* [ini] mungkin susahlah untuk berhubung kan? Tidak seperti dulu-dulu tidak ada *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] *gopo* [apa] *ni* [ini].

**NSS** : *Tak de [tidak ada] zaman dulu?*

**JMA** : *Hor [ya] tak de [tidak ada]. PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] ni [ini] dia tak [tidak] ingat tahun berapa tubuh PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] ni [ini]. Pasal masa tok dulu-dulu tak dok [tidak ada] lah. Belum merdeka lagi tak dok [tidak ada]. Hingga pra merdeka merdeka dah pun tak dok [tidak ada] lagi. Ni [ini] akhir-akhir ni [ini] lah tak [tidak] ingatlah tahun berapa ada PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] ni [ini].*

**NSS** : *Ada ke majlis-majlis yang melibatkan guru dengan pelajar masa dulu sebelum wujudnya PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] ni [ini]?*

**JMA** : Jadi pada masa di sekolah rendah dulu tidak ada apa-apa. Pasal dia ada aktiviti hubungan. Di sekolah menengah tu [itu] memanglah pasal dia banyak aktiviti kan? Terutamanya sekali hari apa ni [ini] hari penyampaian hadiah gapo [apa] melibatkan ibu bapak [bapa] lah. Tapi masa sekolah rendah dulu tidak ada benda-benda seumpama itu. Pada masa tok mula-mula dulu. Tapi sekarang ni [ini] sama saja [sahaja] lah. Sekolah menengah sekolah rendah sama saja [sahaja]. Semua ada hubungan, perayaan gapo [apa] gini [ini] semua lah.

**NSS** : *Selain menjadi guru, bolehkah Tok Ba menceritakan sumbangan sepanjang terlibat dalam bidang perguruan?*

**JMA** : *(Menarik nafas) Jadi ni [ini] dalam masa-masa menjadi guru, jadi tok pernah menjadi pemimpin pengakap lah terutama sekali. Sehingga bersara pun masih*

jadi lagi jawatankuasa pengakap di jajahan Tumpat *ni* [ini].

NSS : Sekarang *ni* [ini]?

JMA : Sekarang *ni* [ini] sekarang tidak lah. Empat lima tahun dulu selepas bersara *tu* [itu] jadi jawatankuasa lah pengakap. (Menarik nafas) Kemudian dalam lepas bersara *ni* [ini] dia guru-guru dia menubuhkan guru-guru persatuan guru besar lah kan? Jadi tok ba duduklah dalam jawatankuasa *tu* [itu] sehingga mula tubuh *tak* [] ingatlah tahun berapa tubuh sehingga akhirnya tahun berapa lupa lucutlah daripada jawatan kerana hari itu hari mesyuarat itu tok ba *tak* [tidak] *gi* [pergi] ada hal-hal mustahak jadi dia kira *ore* [orang] *tak* [tidak] *gi* [pergi] hari itu dia gugurkan. Tapi jadi ahli persatuan *tu* [itu] masih jadi ahli lagi lah hari ini.

NSS : Cuma *tak* [tidak] aktiflah?

JMA : *Dok* [tidak] lah *dok* [tidak] cuma kita *gi* [pergi] mesyuarat sekali setahun ke dua kali setahun ke perjumpaan *gapo* [apa] *tu* [itu] kita *gi* [pergi] lah. Kemudian di kampung *ni* [ini] mula-mula belum bersara lagi Tok Ba telah menjadi pemimpin menjadi sebagai setiausaha menubuhkan jawatankuasa *nak* [hendak] mengadakan *mussolla* [musala]. *Mussolla* [musala] yang ada hari *ni* [ini] lah. Jadi Tok Pa jadi setiausaha daripada tahun *lapan puluh empat* [1984] kalau *tak* [tidak] silap lah. Sehingga zaman sekarang pun jadi setiausaha lagi lah *mussolla* [musala] *tu* [itu].

**NSS** : **Banyak aktiviti yang —**

**JMA** : **Tak dok [Tiada] aktiviti *gapo* [apa] banyak rancangan menjalankan aktiviti keugamaan [keagamaan] lah di *mussolla* [musalla] *ni* [ini]. Cari ustaz *gapo* [apa] *nak* [hendak] *ngaja* [mengajar] untuk kewangan *gapo* [apa] *gitu* [itu] lah. Jadi dah berapa tahun *dah* [sudah] cuba *nak* [hendak] undur diri daripada jadi setiausaha di *mussolla* [musala] *tu* [itu] jadi semua *tak* [tidak] sanggup *belako* [belaka]. Sehingga hari *ni* [ini] jadi setiausaha lagi lah. Kemudian di kampung *ni* [ini] dulu apa *ni* [ini] (menarik nafas) kita cuba *nak* [hendak] tubuhkan persatuan kebajikan. Jadi tubuh pada tahun lupa tahun berapa *dah* [sudah] tahun *lapan puluh empat* [1984] ke *lapan puluh lima* [1985] *gitu* [itu] lah tubuh *lapan puluh enam* [1986] kalau *tak* [tidak] silap tubuh jawatankuasa persatuan kebajikan. Jadi tok juga dilantik jadi setiausaha jadi pengurusnya adalah ustaz *gapo* [apa], ada cikgu-cikgu lain ada juga lah. Jadi berjalan lah dalam sebagai setiausaha dalam persatuan kebajikan *tu* [itu] sehingga beberapa tahun *ni* [ini] lah. Dari hari *ni* [ini] tolak jawatan setiausaha *tu* [itu] jadi masih jadi ahli jawatankuasa lah dan peraturan *tu* [itu] bergerak sehingga hari *ni* [ini] lah. Persatuan kebajikan ini terdiri daripada kebajikan yang terutama sekali kematian. Kematian *ni* [ini] orang *nak* [hendak] jadi ahli kematian kena bayar yuran seratus *lima puluh* [RM 50.00] ringgit untuk seumur hidup sahaja sekali sekali bayar, kemudian yuran tahunan setahun *sepuluh* [RM 10.00] ringgit setahun. Kemudian kebajikan-kebajikan lain macam kita berusaha untuk mencari dana untuk kebajikan zakat pada fakir miskin, kita minta orang-orang *hok* [yang] ada keluar zakat**

*tu [itu]. Kemudian kita ada jamuan macam jamuan teh ke gapo [apa] untuk kebaikan pelajar-pelajar nak [hendak] melanjutkan pelajaran ke universiti. Jadi persatuan ni [ini] cuba beri dua ratus [RM 200.00] ringgit tiap-tiap seorang. Jadi ini dana ni [ini] dia kumpul daripada orang-orang kampung, kita minum teh ke gapo [apa] untuk itu lah gitu [itu] lah.*

**NSS : Dapat daripada orang kampung untuk membantu anak-anak —**

**JMA : Anak-anak ahli sendiri nak [hendak] gi [pergi] melanjutkan pelajaran, dua ratus [RM 200.00] setiap kali dia pergi yang dapat tahu pergi universiti lah. Itu sahaja sekarang lah. Sekali mula tu [itu] benda lain tak dok [tiada] lah. Jadi persatuan tu [itu] sehingga pada hari ini tengok ada lagi lah berjalan.**

**NSS : Masih aktif?**

**JMA : Masih aktif lagi lah.**

**NSS : Kiranya lepas Tok Ba *pencen* [bersara] tu [itu] Tok Ba aktif dengan aktiviti-aktiviti kampung?**

**JMA : Hor [ya] ya lah kampung lah.**

**NSS : Tak de [tiada] pekerjaan lain dah selain — ?**

**JMA : Hor [ya] tak de [tiada] dah [sudah]. Yang bekerja sendiri adalah bercucuk tanam. Kalau nak [hendak] makan sayur tanam sayur gitu [itu] je [sahaja] lah. Nak [hendak] makan pisang, tanam pisang (penemuduga ketawa).**

**NSS** : Apakah anugerah-anugerah yang Tok Ba pernah terima sepanjang melibatkan diri dalam --- ?

**JMA** : Tidak ada satu anugerah pun yang diterima daripada kerajaan atau lain-lain lah. *Tak de* [tiada].

**NSS** : Masa mengajar dulu pernah ke macam zaman sekarang banyak kursus-kursus, seminar. Ada ke zaman dulu pun ada macam tu [itu]?

**JMA** : Dulu-dulu *tak dok* [tiada] lah seminar-seminar, *tak de* [tiada]. Mengajar-mengajar betul lah.

**NSS** : Siapakah tokoh-tokoh yang paling Tok Ba kagumi?

**JMA** : Tokoh *ni* [ini] *tak dok* [tiada] lah tokoh *nak* [hendak] pilih tokoh. Kalau *nak* [hendak] kata siapa *tak* [tidak] tahu lah, *tak dok* [tiada]. Semua *tu* [itu] kita minat *belako* [belako] macam nya --- .

**NSS** : Bagi pendapat Tok Ba apakah perbezaan antara sekolah di bandar dan luar bandar?

**JMA** : Kalau zaman dulu zaman pra-merdeka atau belum merdeka jauh sekali lah beza antara luar bandar dengan dalam bandar. Dalam bandar *ni* [ini] kelengkapan dia cukup, tenaga pengajarnya cukup. Di luar bandar *ni* [ini] kebanyakannya *tak* [tidak] cukup terutama sekali fizikal sekolah itu sendiri. Kadang-kadang ada pernah kawan *tu* [itu] dia pergi jadi guru besar di satu

sekolah. *Nak* [hendak] meluaskan bilik darjah *tu* [itu] terpaksa bekerjasama dengan orang kampung *mintak* [minta] bantuan buluh lah *gapo* [apa] untuk buat bangsal buat sekolah supaya jadi sekolah. Tapi di bandar tidak kisah lah benda-benda *tu* [itu]. Macam pernah juga Tok Ba mengajar di Pasir Pekan dulu dalam tahun *lima puluh-an* [1950-an], kita *nak* [hendak] buat satu sekolah untuk membangunkan untuk mengelakkan daripada pagi petang, terpaksa kita buat *concert* [konsert] atau sandiwara pada masa itu mencari wang. Kemudian dapat kita buat dua bilik darjah. Masa *tu* [itu] lah, dalam tahun 50-an *tu* [itu].

**NSS :** Kiranya sekolah bandar *tu* [itu] dapat dana daripada mana?

**JMA :** Dana di bandar *ni* [ini] dia kerajaan dia paling dekat *sikit* [sedikit] lah dengan mata dia. *Ni* [ini] sebab luar bandar *ni* [ini] jauh *sikit* [sedikit] lah.

**NSS :** *Tak* [tidak] pandang lah?

**JMA :** *Hor* [ya] *tak* [tidak] pandang sangat.

**NSS :** Boleh kalau *nak* [hendak] *mintak* [minta] tapi susah *sikit* [sedikit] lah.

**JMA :** Boleh *nak* [hendak] *mintak* [minta] tetapi tidak seperti hari *ni* [ini] semuanya serupa belaka. Terutama sekali dari segi pembelajaran, di luar bandar dengan dalam bandar sama *saja* [sahaja] mata pelajaran pun sama sahaja, tenaga pengajar pun sama. Dulu sekali yang kita bezanya ketara sekali ialah di antara bahasa, bahasa inggeris di luar bandar *ni* [ini] tidak ada bahasa

inggeris. Kalau ada pun tidak cukup ada *tu* [itu]. Kalau sekelas ada lima, guru bahasa inggeris seorang *tak* [tidak] sampai *nak* [hendak] *tu* [itu] kan? Jadi *gitu* [itu] lah. Tapi ada pun di bandar *ni* [ini] lengkap, cukup lah dia. *Gitu* [itu] lah lebih kurang.

**NSS :** **Profession seorang perguruan sering menghadapi tekanan tugas yang amat berat. Media sering memaparkan kisah mengenai segelintir guru yang merokok, guru yang tidak cergas, guru yang sering lepas tangan mengenai masalah tersebut. Pada pendapat Tok Ba, apakah pendapat Tok Ba mengenai perkara tersebut?**

**JMA :** Jadi pada masa dulu tidaklah seperti hari *ni* [ini] tekanan *tu* [itu]. Hari *ni* [ini] memang banyak tekanan kerana ya lah kemudahan-kemudahan *banyak* [banyak] kerajaan beri. Sebab *tu* [itu] dia buat tekanan. Misalnya, *nak* [hendak] kata *gapo* [apa] *ni* [ini] dari segi pembelajaran dan sebagainya lah. Jadi tidak banyak lah seperti masa dahulu masa Tok Ba muda-muda *dulu* [dahulu] tekanan tidak banyak. Selepas *tu* [itu] seperti hari ini Tok Ba tengok, kalau Tok Ba jadi guru hari *ni* [ini] Tok Ba tak *leh* [tidak boleh] kerja.

**NSS :** **Sebabnya?**

**JMA :** *Tak* [tidak] *leh* [boleh] *nak* [hendak] ikut perkembangan *tu* [itu] terlampaui laju sangat. Kita tengok hari *ni* [ini] pasal apa pakai hari *ni* [ini], hari *ni* [ini] hari pengakap, pasal apa pakai ini, hari *ni* [ini] hari Bahasa Malaysia, pasal apa ini, ini hari bahasa inggeris.

NSS : Kiranya dulu lebih tertumpu kepada mata pelajaran lah sekarang ni [ini]—

JMA : Dulu mata pelajaran tentu. Persatuan ni [ini] petang sahaja. Kalau pengakap petang. Semua pasal tu [itu] semua petang belaka. Tapi hari ni [ini] dok [tidak] lah sekolah pakai uniform pengakap, sekolah pakai uniform macam-macam lah. Jadi kenapa jadi macam tu [itu] tak [tidak] tahu lah Tok Ba nak [hendak] cerita tak [tidak] boleh.

NSS : Ada juga isu-isu mengenai gura dan pelajar yang sering bertelagah sehingga yang sanggup memukul guru mereka sendiri. Pada pendapat Tok Ba, mengapakah perkara sebegini berlaku? Salah ibu bapa atau pun salah guru itu sendiri?

JMA : Itu nak [hendak] komen tu [itu]. Pertama sekali kita pun didikan ugama [agama] yang kurang sekali. Kerana tekanan ugama dari ibu bapa kepada anak-anak tidak begitu berat tekanan ugama [agama]. Tidak begitu sungguh ugama [agama] sebab tu [itu] jadi apa anak kita kata, hak [yang] ni [ini] yang kita terima belaka. Misalnya kalau anak sekolah kena pukul, balik di rumah anak cerita kepada ibu bapa, ibu bapa ambil selalu inisiatif gapo [apa], tak [tidak] tanya lah gapo [apa], sapo [siapa], cikgu pukul awak tak dok [tiada]. Itu dia ambil tindakan, itu yang jadi huru-hara sekolah.

NSS : Pada pendapat Tok Ba, perlu ke ibu bapa campur tangan mengenai kes

**guru dengan pelajar ni [ini]?**

JMA : Itu *nak* [hendak] komen *tu* [itu] *tak* [tidak] dapat lah. Jadi ibu bapa [bapa] dia kena jaga anak dia lah supaya anak dia *tu* [itu] berperangai baik, berakhhlak baik. Jadi pendidikan dia ibu bapa dengan anak mesti pendidikan yang betul lah, baru lah tidak jadi bertelagah diantara ibu bapa dan guru, atau murid dengan guru *tak* [tidak] jadi bertelagah.

NSS : Pada zaman dulu dan zaman sekarang, apakah perbezaan yang sangat ketara dalam sistem pendidikan kita?

JMA : Payah *nak* [susah hendak] jawab *tu* [itu]. Pasal dulu-dulu zaman-zaman dulu setakat mana *tak* [tidak] tahu. Kalau dulu sebelum merdeka lain. Kalau sebelum merdeka dengan sekarang *ni* [ini] memang jauh sekali lah seperti Tok Ba cerita awal tadi lah. Jadi belum merdeka dulu, guru-guru bersungguh-sungguh bekerja. Tidak pandang kepada pangkat, tidak pandang kepada pendapatan. Tapi hari *ni* [ini] ada orang yang kaki politik kita kata dia memandang sangat kepada pangkat. Kalau *tak de* [tiada] pangkat, patut dia layak pangkat, tapi dia *tak* [tidak] naik, dia *tak* [tidak] akan kerja begitu hebat, *tak* [tidak] kerja sungguh-sungguh lah. Tapi pada zaman dulu *tak dok* [tiada] *gitu* [begitu].

NSS : Memang mengajar mengajar *je* [sahaja] lah sampai anak murid berjaya.

JMA : *Hor* [ya], mengajar mengajar *je* [sahaja] lah asal murid-murid *tu* [itu] berjaya, itu saja lah.

**NSS** : **Pada zaman dahulu kemudahan susah kan macam sekolah pun --- Kiranya, guru-guru zaman sekarang lebih beruntung lah tapi kualiti murid makin kurang sedangkan kemudahan yang ada *tu* [itu] makin baik?**

**JMA** : **Kemudahan hari ini memanglah kemudahan sekali tidak seperti kemudahan pada zaman dulu. Seumpama pada zaman dulu, zaman tok muda-muda dulu pernah mengajar di sekolah, seperti tok kata tadi lah *tak* [tidak] cukup guru, *tak* [tidak] cukup bilik darjah. Ada sekolah terpaksa menyeberang sungai pergi. Cikgu *nak* [hendak] *gi* [pergi] sekolah kena menyeberang sungai pakai penambang perahu kan? Tapi hari *ni* [ini] semua *tu* [itu] *tak dok* [tiada] dah. Semua tempat ada penambang kerajaan telah buat kemudahan beri jambatan dan sebagainya lah.**

**NSS** : **Adakah sebab kemudahan *tu* [itu] menjadikan pelajar sendiri menjadi leka dengan tanggungjawab dia sebagai seorang pelajar?**

**JMA** : **Itu kita *nak* [hendak] komen *tu* [itu] susah lah. Kadang-kadang, *sakni* [tadi] lah, dia terutama sekali ibu bapa terutama sekali *tak* [tidak] kira kemudahan *tak* [tidak] mudah, kalau ibu bapa ambil berat hal anak dia, mungkin anak dia berjaya lah. Itu lah.**

**NSS** : **Apakah kriteria yang perlu ada untuk bergelar seorang tokoh guru?**

**JMA** : **Itu tokoh *tu* [itu] kita *nak* [hendak] nilai *tak leh* [tidak boleh] pasal tokoh *tu***

[itu] hanya orang yang boleh nilainya lah kerajaan lah atau siapa-siapa saja orang atasan yang boleh menilainya macam tok *ni* [ini] guru biasa *tak leh* [tidak boleh] nilai siapa, nilai bagaimana tokoh yang *nak* [hendak] *tak* [tidak] dapat nilai lah *tu* [itu].

**NSS :** Kita sekarang memang ada anugerah tokoh guru kan? Kiranya Tok Ba rasa patut ke diteruskan?

**JMA :** Memang patut diteruskan supaya mengenangkan jasa dia, orang lain boleh tengok sejak dia buat jasa selama-lama dia kerja selama hari *ni* [ini] yang dapat *tu* [itu]. Itu bagus lah.

**NSS :** Apakah antara nasihat-nasihat Tok Ba kepada guru-guru zaman sekarang *ni* [ini]?

**JMA :** *Ni* [ini] nasihat orang tua *ni* [ini] susah *nak* [hendak] nasihat kepada orang muda. Jadi sama macam tadi lah, bagaimanapun sebagai seorang guru kata orang tua-tua *ni* [ini] boleh kata guru *ni* [ini] ibarat pelita, menyala membakar sumbunya, membakar diri sendiri. Itulah sifat seorang guru. Jadi guru *ni* [ini] seboleh-bolehnnya dia *tak* [tidak] ingat yang dia *ni* [ini] susah dia tapi yang dia mahu kejayaan, itu sahaja. Itulah sifat sebagai seorang guru.

**NSS :** Okay [baiklah], akhir sekali apakah harapan Tok Ba terhadap sistem pendidikan perguruan di Malaysia?

**JMA :** Itu *nak* [hendak] komen susah lah pasal Tok Ba pun tidak begitu mendalam

sangat hal pendidikan hari ini, *lagumana* [bagaimana], *hak* dulu *tu* [itu] *lagumana* [bagaimana] *nak* [hendak] beza *tu* [itu] *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] bezakan. Tapi walaubagaimanapun hari *ni* [ini] baguslah berjaya pada hari ini. *Hak* [yang] dulu *tu* [itu] berjaya pada masa *tu* [itu], *hor* [ya] *gitu* [begitu]. Jadi pada masa dulu pun orang pergi universiti *belaka* [belaka] *dok* [kan]? hari *ni* [ini] pun pergi universiti *belaka* [belaka] juga. Tapi nilai-nilai universiti hari *ni* [ini] tidak bernilai sebab terlalu banyak. Dalam Kelantan saja ada berapa universiti, (bunyi kenderaan) dalam Terengganu berapa buah universiti ada, Sabah berapa universiti ada, jadi seluruh Malaysia *ni* [ini] berpuluh-puluh buah universiti kan? Banyak sekali. Jadi tengok tidak terdaya boleh kata kan tidak terdaya *nak* [hendak] melayan murid-murid untuk apa *ni* [ini] keluar universiti *tu* [itu] *nak* [hendak] beri kerjaya kepada dia. Ada pun dulu *sepuluh* [10] orang pergi universiti balik sepuluh-sepuluh berjaya, boleh kerja dengan kerajaan ke atau buat kerjaya *gapo-gapo* [apa-apa]. Jadi hari *ni* [ini] terlalu banyak lah.

**NSS :** Sebab terlalu banyak pelajar yang berjaya akan menyebabkan pekerjaan *tu* [itu] susah dapat?

**JMA :** Susah dapat lah. Satu lagi susah dapat kerajaan hari ini kerajaan hari *ni* [ini] buat. Dilanjutkan tempoh bekerja. Mana Tok Ba dulu *lima puluh* [50] tahun *okay* [baiklah] berhenti. Hari *ni* [ini] hari *ni* [ini] sampai enam puluh tahun. Jadi lima tahun *tu* [itu] berapa *sorang* [seorang] keluar dan berapa murid *hak* [yang] penuntut universiti *hak* [yang] boleh bekerja. Sebab *tu* [itu] yang jadi

banyak menganggur *tu* [itu]. Itulah.

NSS : Boleh *tak* [tidak] boleh kah tok ba ceritakan serba sedikit mengenai kesemua anak Tok Ba?

JMA : Anak Tok Ba ada enam. Yang sulung *tu* [itu] kak long *tu* [itu] dia sampai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] *je* [sahaja] lah, dia kandas *tak* [tidak] boleh pergi. Yang kedua, Noraini, *tu* [itu] dia boleh pergi sampai ke universiti dan sekarang *ni* [ini] bekerja di Terengganu. Yang ketiga anak laki-laki, pergi universiti *jugak* [juga] di universiti pertanian dulu, dan sekarang *ni* [ini] mengajar di politeknik Kok Lanas. Kemudian sekarang *ni* [ini] dia *dah* [sudah] pindah pergi ke politeknik Jeli. Kemudian anak yang ketiga, Nor Fadiah, dia kandas di tingkatan enam. Jadi dia setelah berkahwin, dia jadi usaha dia lah. Dia berjaya lah hari *ni* [ini] membuka kilang batik dan ada kemajuan lah bagi dia. Dan anak yang ke lima, Rusdi lelaki, sekarang *ni* [ini] duduk di Kemaman. Dulunya dia kerja dengan KSB [Kemaman Supply Base] kan. Sekarang *ni* [ini] dia berhenti *dah* [sudah] dia bekerja sendiri, *tak* [tidak] tahu lah kerja macam mana, *nak* [hendak] cakap *tak leh* [tidak boleh] lah. Kemudian yang bongsu sekali perempuan, itu pun dia kandas di tingkatan lima lah. Jadi kerja sendiri lah. Gitu *je* [Itu sahajs] lah.

NSS : Sebelum Tok Ba menjadi guru, adakah Tok Ba ada cita-cita lain selain daripada guru *tu* [itu]? Ke *dah* [sudah] memang [sememangnya] dari *kecik* [kecil] *nak* [hendak] jadi guru?

JMA : Pada masa *tu* [itu] dia tidak ada cita-cita, tidak ada *gapo* [apa]. Cikgu pun *tak* [tidak] tanya kamu *nak* [hendak] jadi *gapo* [apa] macam hari *ni* [ini], hari *ni* [ini] awak besar *nak* [hendak] jadi *gapo* [apa], *nak* [hendak] jadi *misi* [jururawat], jadi doktor. Dulu tidak ada, cuma mari jadi guru *tu* [itu], mari jadi guru, *okay* [baiklah] jadi guru lah. Tidak ada pilihan, *tak* [tidak] niat *nak* [hendak] jadi polis ke sebab masa *tu* [itu] guru, polis, askar *je* [sahaja] masa *tu* [itu].

NSS : **Antara *tu* [itu] *je* [sahaja] lah?**

JMA : *Hor* [ya], *tu* [itu] *je* [sahaja] lah. Kerana kerani empat tempat pilihan kerani dia bagi sekolah rendah lah yang lulus *tu* [itu]. Jadi Tok Ba lulus darjah enam, bagi tahu guru lah *okay* [baiklah] *je* [sahaja] lah. *Tu* [itu] *je* [sahaja] lah. *Tak dok* [tiada] pilihan lain.

NSS : **Kemudahan pada zaman Tok Ba belajar dulu?**

JMA : Jadi pada masa belajar dulu belajar dulu, terutama sekali zaman pendudukan Jepun kan? Belajarnya amat sukar sekali, terutama sekali segi buku-buku, buku tulis lah. Buku teks jauh sekali. Buku-buku teks *ni* [ini] kita ada satu buku teks kita *share* [berkongsi] tiga orang macam baca di sekolah. *Nak* [hendak] bawa balik rumah *tak* [tidak] boleh. Kemudian, apa *ni* [ini] *gapo* [apa] *sakni* [tadi]?

NSS : **Kemudahan?**

JMA : *Har [ya] kemudahan. Kemudahan tu [itu] sama sahaja lah. Kemudahannya siapa yang dekat dengan sekolah, mudah lah dia. Orang yang jauh, jauh lah. Ada kawan tok kan, jauh hujung nuh [sana], lebih kurang tiga batu daripada sekolah, dia jalan kaki mari ke sekolah.*

NSS : **Awal-awal pagi lagi lah?**

JMA : Awal-awal pagi lagi. Dan pernah juga sama masa Tok Ba belajar, mengajar di sekolah Tok Uban, Sekolah Melayu Tok Uban *tu* [itu], murid-murid tiga batu daripada *nuh* [sana], dia turun daripada rumah dia pakai lampu suluhan. **Jalan kaki mari ke sekolah. Tapi Alhamdulillah budak-budak tu [itu] berjaya.** Ramai budak-budak berjaya. Yang boleh jadi cikgu, jadi kerani dan \_ pada masa *tu* [itu]. Jadi *gitu* [begitu] lah keadaanya. Yang tidak seperti hari *ni* [ini] lah, hari *ni* [ini] kemudahan terlalu banyak sekali. Bahkan lebih mewah lagi. **Disebabkan kemewahan itu, Tok Ba rasa tu [itu] budak-budak jadi ego.**

NSS : **Jadi salah satu puncanya tak [tidak] berjaya?**

JMA : Punca *tak* [tidak] berjaya.

NSS : **Dari segi kerusi meja tu, masa zaman dulu —**

JMA : Kerusi meja masa dulu kerusi meja cukup lah.

NSS : **Dah [sudah] ada lah semua?**

JMA : *Dah* [sudah] ada lah semua ada.

**NSS** : **Bukan belajar atas lantai lah?**

**JMA** : *Hor [ya], dok [tidak] lah. Masa dulu belum mula-mula tok ba sekolah dulu, memang belajar atas lantai. Masa tu [itu], tak dok [tiada] guru, kerusi meja tak [tidak] cukup kan untuk darjah tinggi kan meja. Darjah satu dua ni [ini] memang atas lantai. Kita bawa tikar pergi sekolah.*

**NSS** : **Kenangan manis yang tak [tidak] dapat tok ba lupakan semasa Tok Ba belajar-belajar dan mengajar?**

**JMA** : *Belajar mi [ini] tak dok [tiada] apa-apa kenangan tapi masa-masa *ngajar* [mengajar], pada masa Tok Ba mula-mula jadi guru besar di Sekolah Kebangsaan Star tadi, Tok Ba gi [pergi] tahun *tujuh puluh enam* [1976]. Jadi malangnya pada tahun *tujuh puluh enam* [1976] tu [itu], negeri Kelantan ni [ini] kemarau, kemarau besar. Jadi sungai negeri tu [itu] kering, air nya cetek sekali. Jadi perhubungan semuanya sungai *saja* [sahaja].*

**NSS** : ***Nak* [hendak] ke sana —**

**JMA** : *Nak [hendak] keluar ke sekolah, nak [hendak] balik rumah melalui \_ stesen kereta api Bertam iaitu lebih kurang dalam banyak batu juga lah jauhnya. Tapi terpaksa dia orang guna bot jadi bot tak [tidak] dapat masuk.*

**NSS** : **Sebab air cetek?**

**JMA** : *Air cetek. Kemudian pernah menghadapi kesukaran dalam makanan. Tahu semua zaman darurat. Jadi kita makanan banyak tak [tidak] berani. Jadi *sikit-**

*sikit* [sedikit-sedikit] saja lah. Kemudian akhir sekali tahun *tujuh puluh enam* [1976] *tu* [itu], hari *tu* [itu] cuti penggal dua, air kemarau kering. Guru masa *tu* [itu] ada lima orang. Kemudian perahu jalur *tu* [itu] boleh muat enam sahaja. Muat enam *ore* [orang]. Jadi guru lima, *sore* [seorang] budak apa *ni* [ini] budak bawa perahu *tu* [itu], jadi enam. Jadi *tak* [tidak] muat *nak* [hendak] duduk. Jadi apa *nak* [hendak] naik supaya boleh balik semula guru lima *ore* [orang], *nak* [hendak] lalu sungai *tu* [itu]. Jadi satu hari *tu* [itu] terfikir lah Tok Ba turun ke sungai ada nampak satu berkas buluh, orang kata *ni* [ini] buluh, jadi masa Tok Ba pun ambil empat batang buluh, ambil dua utas tali di kapit perahu di tengah, buluh kiri kanan dengan tali *kat* [dekat] bawah perahu *tu* [itu]. Jadi boleh naik enam *ore* [orang], lega boleh sampai. Kemudian bila sampai di Bertam, nasib baik sampai *saja* [sahaja], kereta api pun sampai. Jadi *nak* [hendak] naik kereta api tiket *tak* [tidak] beli *tak* [tidak] kira *dah* [sudah]. Jadi dengan seluar dalam, *hungga* [bergegas] naik kereta api empat lima orang cikgu. Itulah boleh kata kan kenangan tok *tak* [tidak] lupa lah. Sampai hari *ni* [ini] pun tok ingat peristiwa *tu* [itu]. Kemudian pada masa di Jeli, tahun *lima puluh enam* [1956], lima puluh tiga [1953], *lima puluh empat* [1954] *gitu* [itu] lah, satu malam, *ni* [ini] *tak* [tidak] lupa, dua perkara *tak* [tidak] lupa. Pertama sekali hari cuti hari buka penggal sekolah tahun lima puluh empat [1954], *nak* [hendak] pergi ke sekolah *tu* [itu] dia melalui satu sungai, Sungai Air Lanas sekarang *ni* [ini], jadi sungai *tu* [itu] dalam. Dia jambatan turun ke bawah *gitu* [begitu] (sambil menunjukkan gerakan tangan) melengkung, jadi bila air hujan mari, tenggelam jambatan *tu*

[itu]. Nak [hendak] gi [pergi] tak [tidak] leh [boleh] lah. Jadi terpaksa bermalam di rumah satu orang rumah Che Mat di Bukit Bunga. Kemudian esok air kering, esok boleh lalu boleh gi [pergi] lah. Naik gi [pergi] jalan kaki lebih kurang lapan batu sampai di satu kampung, kampung Gemang namanya, berhenti di situ makan nasi bersama dengan cikgu besar sekolah Gemang tu [itu] makan, balik rumah dia gitu [itu] gini [ini], sudah lebih kurang selepas zohor lebih kurang pukul tiga berjalan kaki dengan satu orang budak daripada Jeli juga minta tolong dia bawa beg pikul, tok tak [tidak] larat dah [sudah]. Dia pikul beg upah dia dua ringgit (bunyi kenderaan), beri upah pikul beg. Jadi sampai di tengah jalan, lebih kurang sini lebih kurang 20 kaki lah kita kata, jumpa dengan dua ekor ular. Ular ni [ini] tok tak [tidak] pernah tengok, ular gapo [apa] tak [tidak] tahu nama. Jadi tanya budak tu [itu] pun dia tak [tidak] tahu nama, tak [tidak] tahu lah dia kata. \_ baliklah jalan. Jalan sampai di rumah lebih kurang dekat dengan maghrib, naik di rumah sudah sembahyang turun kedai nak [hendak] gi [pergi] minum air, cerita lah\_. Bila cerita lepas tu [itu] (sambil mengurut dada), dia tepuk dada lurut dada dia, Allah cikgu panjang umur dia kata. Pasal apa? Itu lah ular yang bisa sekali dia kata, ular tu [itu] nama ular tedung selar dia kata. Bisa, memang bisa lah. So [satu]. Yang kedua-nya satu malam, tok tinggal sore [seorang] saja [sahaja] di rumah. Ada sore [seorang] kawan tu [itu], dia guru besar tadi lah, tok guru penolong, dia balik tinggal tok sore [seorang]. Tengah-tengah tidur, rumah tu [itu] dekat dengan sungai, tengah-tengah tidur lebih kurang tiga pagi, bunyi satu suara yang tok tak [tidak] pernah dengar pun. Apa suara ni

[ini] kata. Dengar dua tiga kali, *tak* [tidak] tahu *gapo* [apa] suara *gapo* [apa]. Hingga esok, sudah-sudah mandi *gi* [pergi] kedai minum air. Kita *round* [ronda] ingat cikgu *tak dok* [tiada] *dah* [sudah] dia kata. Dia seloroh lah, ingat cikgu *tak dok* [tiada] dah. Kata *gapo* [apa]? Cikgu dengar *dok* [tidak]? Kata dengar. *Gapo* [apa]? *Tak* [tidak] tahu. Itu lah gajah dia kata. Gajah *gi* [pergi] dekat dengan rumah, dia turun sungai minum air lalu dekat rumah. Dia (Tok ba meniru bunyi gajah). *Demo* [mereka] *ni* [ini] *tak* [tidak] pernah dengar suara gajah. *Demo* [kamu] rajin dengar? *Tak* [tidak] pernah kan? Itulah itulah peristiwa semasa duduk di Jeli dan satu peristiwa duduk di Star tadi. Lepas *tu* [itu] lain *tak dok* [tiada] *dah* [sudah] lah. Yang kenangan *ni* [ini] ingat mana kalau tanya cerita *sakni* [tadi]. Dua cerita *ni* [ini] cerita di Jeli, cerita di Star.

**NSS :** **Yang *tu* [itu] lah yang *tak leh* [tidak boleh] lupa sekali?**

**JMA :** ***Har* [ya], *tak* [tidak] lupa lah ingat lah. *Gitu* [begitu] lah lebih kurang cerita.**

**NSS :** **Baiklah, terima kasih yang tidak terhingga kepada Tok Ba kerana sudi di temubual oleh kami mengenai pengalaman yang sangat berharga yang tidak dapat dijual beli. Kami amat menghargai budi baik Tok Ba. Dengan ini kami sediakan sedikit cenderahati daripada pihak kami dan UiTM Machang, Kelantan.**

**JMA :** Terima kasih.

#### **TAMAT BAHAGIAN C**

# **SENARAI SOALAN**

## **Senarai Soalan**

1. Di kampong ini Tok Ba dikenali sebagai apa?
2. Bilakah Tok Ba dilahirkan?
3. Berapa umur Tok Ba sekarang?
4. Dimanakah Tok Ba dilahirkan?
5. Siapakah yang tinggal bersama Tok Ba sekarang?
6. Apakah nama penuh isteri Tok Ba?
7. Pada tahun berapakah Tok Ba dan isteri berkahwin?
8. Bolehkah Tok Ba beritahu nama ibu dan ayah Tok Ba?
9. Maaf bertanya, adakah ibu dan ayah Tok Ba masih hidup?
10. Ibu dan ayah Tok Ba berasal dari mana?
11. Adakah mereka berasal dari kampung itu sejak dari awal?
12. Sebelum ini apakah Pekerjaan ibu dan ayah Tok Ba?
13. Berapakah bilangan adik beradik Tok Ba?
14. Tok Ba anak yang keberapa?
15. Bolehkah Tok Ba ceritakan lebih lanjut mengenai adik beradik Tok Ba?
16. Adakah masing-masing tinggal di sekitar ini?
17. Berapa pula bilangan anak Tok Ba?
18. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
19. Adakah semua sudah berumah tangga?
20. Dimanakah mereka semua tinggal?
21. Berapakah bilangan cucu Tok Ba ?
22. Bolehkan Tok Ba ceritakan mengenai kehidupan Tok Ba di zaman Kanak-kanak?
23. Apakah permainan yang sering Tok Ba main di zaman kanak-kanak?
24. Semasa kecil dulu apakah cita-cita Tok Ba?
25. Apakah cita-cita Tok Ba semasa lapang?
26. Dimanakah Tok Ba mendapat pendidikan di awal persekolah dulu?
27. Kemudian ke mana Tok Ba meneruskan pendidikan?

28. Apakah matapelajaran kegemaran Tok Ba ketika di sekolah?
29. Apakah pencapaian Tok Ba ketika di sekolah?
30. Adakah Tok Ba aktif dengan kegiatan ko-kurikulum semasa di sekolah dahulu?
31. Bagaimanakah kemudahan pengajaran dan pembelajaran ketika Tok Ba bersekolah dlu?
32. Kenangan manis yang tidak dapat dilupakan semasa di sekolah dahulu?
33. Bagaimanakah hubungan antara guru dan pelajar pada ketika itu?
34. Di manakah Tok Ba mendapat latihan perguruan?
35. Apakah kelulusan minimum untuk menjadi seorang guru?
36. Bagaimana keadaan pembelajaran ketika itu?
37. Pengalaman yang tidak dapat dilupakan ketika itu?
38. Pada tahun berapakah Tok Ba mula menjadi seorang guru?
39. Apakah faktor yang mendorong Tok Ba untuk menceburi bidang perguruan?
40. Di manakah sekolah pertama Tok Ba mengajar?
41. Dalam anggaran berapakah pelajar ketika itu?
42. Berapa pula anggaran guru yang mengajar ketika itu?
43. Bilangan guru lelaki ataupun perempuan yang lebih ramai?
44. Adakah bilangan pelajar makin bertambah dari tahun ke tahun?
45. Apakah antara matapelajaran yang ada ketika itu?
46. Apakah matapelajaran wajib yang diambil?
47. Pada ketika itu, apakah jenis sistem peperiksaan yang telah wujud?
48. Apakah antara sebab utama ibu bapa tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah?
49. Adakah kemiskinan juga menjadi antara punca utama?
50. Bagaimana rasa ketika mula-mula mengajar?
51. Bolehkah Tok Ba ceritakan keadaan ketika Tok Ba mula-mula mengajar dlu?
52. Bagaimana pula mengenai sistem pendidikan pada ketika itu?
53. Apakah matapelajaran yang diajar ketika di sekolah tersebut?
54. Bagaimanakah penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran tersebut pada ketika itu?
55. Bagaimana tahan penglibatan ko-kurikulum pada ketika itu?

56. Di antara pelajar lelaki dan perempuan, golongan manakah yang Tok Ba lebih mudah mengajar?
57. Selepas mengajar di sekolah tersebut, adakah Tok Ba berpindah ke sekolah lain?
58. Jika ya, kemana?
59. Berapakah buah sekolah yang telah Tok Ba mengajar sebelum pencen?
60. Di antara sekolah-sekolah tersebut, sekolah manakah yang memberi impak yang besar terhadap Tok Ba?
61. Apakah prinsip dan matlamat Tok Ba ketika mengajar?
62. Adakah Tok ba berpuas hati dengan perkhidmatan Tok Ba pada ketika itu?
63. Apakah perasaan Tok Ba apabila melihat pelajar-pelajar Tok Ba Berjaya?
64. Adakah jumlah pelajar boleh mempengaruhi pencapaian akademik di sesebuah sekolah?
65. Bolehkah Tok Ba ceritakan antara jenis hukuman kepada pelajar terhadap kesalah pada zaman dahulu?
66. Sepanjang cikgu mengajar, pernahkah cikgu mengenakan hukuman rotan kepada pelajar?
67. Jika ya. Apakah antara kesalahan pelajar tersebut?
68. Bagaimana masalah disiplin pada masa dulu dikawal?
69. Apakah tindakah para pelajar tersebut terhadap tindakan yang dikenakan?
70. Apakah pendapat Tok Ba tentang system pendidikan zaman sekarang?
71. Bagaimana pula pendapat Tok Ba mengenai system disiplin pelajar pada masa kini?
72. Jika kita lihat, prestasi pelajar perempuan adalah lebih baik dari pelajar lelaki, apakah pendapat Tokba mengenai perkara tersebut?
73. Pada pendapat Tok Ba apakah kegiatan ko-kurikulum yang penting pada pelajar pada ketika itu?
74. Pada pendapat Tok Ba dimanakah letaknya kualiti seorang guru?
75. Hubungan antara guru dan ibu bapa adalah penting untuk menjamin mutu pendidikan anak-anak mereka. Apakah pendapat Tok ba mengenai perkara ini?
76. Sekarang wujudnya persatuan ibu bapa dan guru bagi menghubungkan guru dan ibubapa. Adakah wujud persatuan seperti itu ketika zaman dahulu?

77. Apakah Tok Ba pernah menjawat sebarang jawatan penting ketika begelar seorang guru?
78. Bolehkah ceritakan pengalaman dan sumbangan sepanjang terlibat dalam bidang perguruan?
79. Apakah anugerah-anugerah yang Tok Ba pernah terima?
80. Sudah berapa lama Tok Ba berhenti mengajar?
81. Pada umur berapakah Tok Ba berhenti mengajar?
82. Apakah yang Tok Ba lakukan setelah berhenti mengajar?
83. Adakah Tok Ba pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti kemasyarakatan?
84. Adakah ketika mengajar dahulu Tok Ba pernah dihantar ke mana-mana program dan kursus?
85. Apakah erti perkataan ‘guru’ bagi pandangan Tok Ba?
86. Siapakah tokoh yang paling Tok Ba kagumi?
87. Bolehkah Tok Ba ceritakan serba sedikit mengenai tokoh tersebut?
88. Mengapa beliau menjadi pilihan Tok Ba sebagai tokoh yang dikagumi?
89. Mengenai pelajaran pada masa kini. Adakah yang perlu dipertingkatkan?
90. Apakah pendapat Tok Ba mengenai sekolah di Bandar dan sekolah di luar Bandar ?
91. Profession perguruan sering menghadapi tekanan tugas yang amat berat. Media sering memaparkan kisah mengenai segelintir guru yang merokok, guru yang tidak cergas, guru yang sering lepas tangan terhadap pelajar mereka malah ada mengenai kes rogoL Apakah pendapat Tok Ba mengenai perkara ini?
92. Dimanakah salahnya sehingga terjadi perkara sebegitu?
93. Selain itu, ade juga isu-isu mengenai guru dan pelajar yang sering bertelagah, sehingga ade yang sanggup memukul guru mereka sendiri. Apakah pendapat Tok Ba mengenai isu ini?
94. Apakah komen Tok Ba terhadap ibu bapa yang turut campur tangan mengenai isu seperti ini?
95. Dalam bidang pendidikan sekarang, disiplin oelajar adalah salah satu masalah utama. Apakah pendapat Tok Ba?
96. Adakah perbezaan mengenai pelajar zaman dahulu dan sekarang adalah sangat

- ketara?
97. Pada pendapat Tok Ba, adakah guru-guru pada zaman sekarang lebih beruntung kerana telah disediakan pelbagai kemudahan?
  98. Adakah Tok Ba bersetuju bahawa pelajar zaman sekarang lebih dimanajakan dengan pelbagai kemudahan sehingga lupa dan leka terhadap tanggungjawab sebagai seorang pelajar?
  99. Apakah Tok Ba rasa kerjaya seorang guru pada zaman kini lebih mencabar pada zaman dahulu?
  100. Apakah kriteria yang perlu ada untuk bergelar ‘Tokoh Guru’?
  101. Adakah Tok Ba rasa anugerah ini patut diteruskan?
  102. Jika ya. Mengapa ia patut diteruskan?
  103. Jadi, adakah Tok Ba rasa anugerah-anugerah kepada guru perlu diperbanyak lagi supaya guru-guru yang layak dapat menerima anugerah tersebut?
  104. Apakah nasihat Tok Ba terhadap guru-guru sekarang?
  105. Akhir sekali, apakah harapan Tok Ba terhadap sistem pendidikan dan perguruan di Malaysia?

# **LOG TEMUBUAL**

## **Log Temubual**

Nik Syaza Syafinas dan Nadiah Amirah menemubual Encik Jaafar bin Md. Amin yang dilahirkan pada tahun 1932 di Kampung Pasir Pekan, Kota Bharu, Kelantan. Temubual dijalankan di rumah beliau di Wakaf Baru, Kelantan mengenai pengalaman beliau sebagai seorang guru dalam tahun 1949 hingga 1986.

### **BAHAGIAN A**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>	<b>NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK</b>
4:48	Latar belakang Tokoh	<ul style="list-style-type: none"><li>1) Kampung Pasir Pekan ,Kota Bharu</li><li>2) Ramlah Binti Omar</li><li>3) Aminah binti Hj. Mamat</li><li>4) Md. Amin bin Salleh</li><li>5) Abdul Aziz</li><li>6) Mohd Noor</li><li>7) Zaharah binti che Daud</li><li>8) Nor Diana</li><li>9) Aimanuddin</li><li>10) Amirah</li><li>11) Aqilah</li><li>12) Izuddin</li><li>13) Mohd Lazim</li><li>14) Mubin</li><li>15) Salikin</li><li>16) Nor Fadiah</li><li>17) Wan Nor Amalina</li></ul>

## BAHAGIAN B

<b>MASA</b>	<b>PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>	<b>NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK</b>
6:20	Pengalaman hidup di zaman sebelum Merdeka	1) Kampong Telipok, Kota Bharu 2) Jepun 3) Pasir pekan, Kota Bharu 4) Tanah Melayu
7:18	Pemerintahan Sebelum Merdeka	1) Kelantan 2) Thailand 3) Orang Inggeris 4) Jepun
9:07	Gaji semasa menjadi seorang guru (sebelum merdeka)	
16:06	Kehidupan semasa pemerintahan Jepun	1) Askar Jepun 2) Burma 3) India 4) Askar Tanah Melayu 5) Tengku Mahmud Mayiddin 6) Kelantan 7) Pengkalan Minyak Gas, Kota Bharu 8) Orang Inggeris 9) Pantai Semut Api, Pengkalan Chepa
18:32	Bahasa dan matapelajaran yang digunakan semasa belajar di zaman pemerintahan Jepun	1) Thailand 2) Maktab Perguruan Tanjung Malim
22:09	Latar Belakang pendidikan	1) Sekolah Melayu Pasir Pekan, Kota Bharu 2) Muhammad Amin

		<p>3) Sekolah melayu Tok Uban, Pasir Mas</p> <p>4) Sekolah Kebangsaan Padang Garung, Kota Bharu</p>
32:02	Pengalaman semasa mengajar	<p>1) Sekolah Melayu Jeli, Tanah Merah</p> <p>2) Sekolah melayu Cabang Empat, Tumpat</p> <p>3) Sekolah Umum Pengkalan Cepa</p> <p>4) Guru Besar</p> <p>5) Kampung Tok Rendang</p> <p>6) SMR Padang Garong</p> <p>7) Sekolah Kebangsaan Ulu Kelantan, Gua Musang</p> <p>8) Sekolah Kebangsaan Kedongdong</p> <p>9) Sekolah Padang Pohon Tanjung</p> <p>10) Pengarah Pejabat Pelajaran</p>

### BAHAGIAN C

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
33:08	Kehidupan selepas pencer	<p>1) Mekah</p> <p>2) Pulau Pinang</p> <p>3) Port Klang</p> <p>4) Jeddah</p>
36:02	Pengertian seorang guru	1) Wakaf Bharu
40:00	Perbezaan jenis hukuman dan	1) Guru besar

	sistem pendidikan pada zaman dahulu dan masa kini	2) Cikgu 3) Pelajar 4) PIBG 5) Sekolah Rendah 6) Sekolah Menengah
41:08	Sumbangan dalam bidang perguruan	1) Tumpat
44:12	Sumbangan kepada masyarakat selepas bersara	1) Musalla 2) Setiausaha 3) Fakir Miskin 4) Orang Kampung
48:59	Pendapat mengenai sekolah Bandar dan luar bandar	1) Pasir Pekan
51:10	Cabaran seorang guru pada masa kini	
54:35	Nasihat kepada guru masa kini dan harapan	
60:02	Ucapan terima kasih	

# **INDEKS**

**A**

Abdul aziz, 6, 70  
Aimanuddin, 7  
Amirah, 7  
Anugerah, 43, 44, 51, 66, 67

**B**

B29, 15  
Bahasa, 9, 16, 19, 23, 34, 46, 47  
Bahasa inggeris, 23, 26, 29  
Bersara, 29, 37, 40, 41, 43, 73  
Bidang perguruan, 40, 64, 66, 73  
Bukit bunga, 59  
Burma, 14, 71

**H**

Harapan, 52, 68, 73  
Hukuman, 36, 65, 73

**I**

Ibu bapa, 8, 38, 47, 48, 50, 64, 66, 67  
Imam muhammad mubbin, 7  
India, 15, 71  
Izzuddin, 7

**J**

Jaafar bin muhammad amin, 2, 3  
Jepun, 8, 9, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 55, 71

**C**

Che mat, 59

**D**

Darjah, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 29, 31, 44, 50, 55,  
57  
Darjah enam, 22, 23, 24, 25  
Darurat, 58  
Doktor, 34, 54

**K**

Kampung pasir pekan, 3  
Kampung star sungai neggiri, gua musang, 28  
Kampung telipok kota bharu, 8  
Kelantan, 9, 12, 15, 16, 17, 28, 52, 57, 61, 70, 71,  
72  
Kerajaan, 10, 11, 19, 26, 27, 28, 35, 36, 38, 44,  
45, 46, 50, 51, 52, 53  
Kereta api, 57, 58  
Kriteria, 50, 67  
Kualiti, 49, 66

**G**

Gaji, 10, 11, 27, 30, 31  
Ganjaran, 30  
Guru, 2, 10, 18, 19, 20, 22, 24, 25, 26, 28, 29, 31,  
33, 36, 38, 39, 40, 44, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 54,  
55, 57, 58, 64, 66, 67, 68, 70, 71, 73  
Guru besar, 12, 72  
Guru pelatih, 10  
Guru pelawat, 22

**L**

Luar negeri, 35

**M**

Maktab perguruan tanjung malim, 22, 71  
Maktab tanjung malim, 22  
Malaya, 12, 16  
Malaysia, 9, 11, 27, 28, 47, 52, 53, 68  
Md amin, 22

Makah, 30, 31, 32, 73  
Mengajar, 19, 23, 24, 26, 27, 28, 31, 34, 35, 41, 44, 49, 50, 53, 56, 57, 64, 65, 66, 72  
Merdeka, 7  
Mohamad nor, 6  
Muhammad amin bin salleh, 4  
Muhammad lazim, 7

Persatuan kebajikan, 41  
*Pibg* [persatuan ibu bapa dan guru], 38, 39  
Port klang, 33  
Pra-merdeka, 44  
Principle, 28  
Profession, 46, 67  
Pulau pinang, 33, 73

## N

Negara, 20  
Nor diana, 7  
Nor fadiah, 7  
Noraini, 7  
Nur amalina, 7

## Q

Qilah, 7

## R

Ramlah binti omar, 4  
Rusdi, 53

## O

Orang putih, 16, 17, 18, 22

## P

Padang garung kota bharu, 28  
Pangkat, 49  
Pantai semut api, 16  
Pasir mas, 22, 29, 72  
Patikthai, 19  
Pejabat pelajaran, 29, 31  
Pekerjaan, 5, 43, 53  
Pelajar, 25, 31, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 47, 48, 50, 53, 64, 65, 66, 67  
Pendidikan, 8, 9, 25, 33, 37, 38, 48, 49, 52, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 72, 73  
Pengakap, 34, 40, 47  
Penggal, 58  
Pengkalan cepa, 26, 28, 72  
Pengkalan minyak gas, 16  
Perkhidmatan, 35, 65  
Permerintahan, 9  
Persatuan kebajikan, 41

## S

Salikin, 7  
Sekolah kebangsaan padang garung, 24, 72  
Sekolah kebangsaan star, 29, 57  
Sekolah melayu, 20, 22, 23  
Sekolah melayu cabang empat, tumpat, 24  
Sekolah melayu jeli, 24  
Sekolah melayu umum, 24  
Sekolah menengah, 28, 39  
Sekolah padang pohon tanjung, 29  
Sekolah putra, 28  
Sekolah umum pengkalan cepa, 26  
Setiausaha, 41  
Sistem disiplin, 37  
*Smr* [sekolah menengah rendah], 28  
*Spp*, 11, 27  
*Srp* [sijil rendah pelajaran], 27  
Stesen kereta api bertam, 57  
Sumbangan, 40, 66  
*Sungai air lanas*, 59

**T**

- Tanah melayu*, 15, 17, 71  
*Tengku mahmud maiyiddin*, 15  
Thailand, 9, 12, 19, 71  
Tok rendang, 27, 72  
Tok uban, 23, 56, 72  
Tokoh-tokoh, 44  
*Tubuh*, 39, 40, 41

**U**

- UiTM machang, 61  
Universiti pertanian, 53

**Z**

- Zarah binti che daud*, 6

# **RUJUKAN**

## Rujukan

(Jaafar b. Md Amin, Bidang Perguruan:Sebelum dan Selepas Merdeka , November 09 , 2013).

*Perguruan Sebagai Satu Profesional Bincangkan.*(n.d.). Retrieved from  
<http://tuanmat.tripod.com/perguruan.html>

# **LAMPIRAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan EN-JAAFAR B. MO.AMIN

Pada 25 OCTOBER 2013

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyalidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.


.....

(En. Jaafar bin Md Amin)  
Pengkisah

.....  
  
Dr Ghazali Bin Osman  
Ketua Program  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi Mara



Gambar 1: Sesi temubual bersama Encik Jaafar



Gambar 2: Cenderahati diberikan kepada Encik Jaafar sebagai tanda terima kasih